



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH KONTEKS SOSIOBUDAYA TEMPATAN
DALAM TEKS PEMBELAJARAN ARAB***

MOHD ZUHIR BIN ABD RAHMAN

FBMK 2014 31



**PENGARUH KONTEKS SOSIOBUDAYA TEMPATAN
DALAM TEKS PEMBELAJARAN ARAB**

Oleh

MOHD ZUHIR BIN ABD RAHMAN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH KONTEKS SOSIOBUDAYA TEMPATAN
DALAM TEKS PEMBELAJARAN ARAB**

Oleh

MOHD ZUHIR BIN ABD RAHMAN

Mac 2014

Pengerusi : Prof. Madya Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, Ph.D
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini merupakan satu kajian analisis wacana yang dilaksanakan terhadap teks pembelajaran bahasa Arab bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan serta menjelaskan pertalian antara pengaruh konteks sosiobudaya tempatan dengan pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Konteks memainkan peranan yang amat penting dalam memahami sesuatu bahasa yang dihasilkan. Penyelidikan ini menggunakan tiga kaedah utama, iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis kandungan terhadap teks pembelajaran, dan kaedah lapangan yang dilaksanakan melalui soal selidik terhadap 50 orang guru di 10 buah sekolah di Negeri Sembilan. Manakala 35 orang pelajar yang dipilih sebagai responden kajian kes merupakan pelajar SMA Agama Nilai. Teori “Semiotik Sosial” dalam kerangka “Model Konteks Sosial” yang dikemukakan oleh Halliday (1978) menjadi asas pegangan dalam penyelidikan ini. Kerangka “Model Konteks Sosial” dalam penyelidikan ini telah diubah suai dengan menampilkan prinsip “bahasa Melayu” dan “budaya Malaysia” yang diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar (1991). Manakala konteks ideologi disesuaikan dengan prinsip “kesyumulan Islam” yang dikemukakan oleh al-Qaraḍāwīy (1995). Penganalisan unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan terhadap teks pembelajaran wacana Arab dikategorikan kepada konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama. Daripada 20 teks pembelajaran yang dianalisis, konteks situasi yang dikenal pasti adalah sebanyak 16 unsur mewakili (5.4%), konteks bahasa adalah sebanyak 225 unsur mewakili (75.5%), konteks budaya adalah sebanyak 35 unsur mewakili (11.7%), dan konteks agama adalah sebanyak 22 unsur mewakili (7.4%). Manakala analisis soal selidik pula mendapati seramai 46 orang responden, iaitu sebanyak (92%) bersetuju bahawa unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan mempunyai pertalian yang rapat dengan pembelajaran wacana Arab serta mampu berperanan meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar di sekolah. Sementara itu, purata responden yang menyatakan bahawa teks pembelajaran bahasa Arab yang mempunyai unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan mampu merangsang minat pelajar dan menjadikan proses pembelajaran bahasa Arab lebih mudah ialah seramai 34 orang, iaitu sebanyak (97%). Kajian terhadap pengaruh konteks sosiobudaya tempatan dalam pembelajaran wacana Arab ini diharap dapat memberikan satu pendekatan baharu dalam pembelajaran bahasa Arab serta dapat memperkayakan khazanah ilmiah bahasa Arab di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the Doctor of Philosophy

INFLUENCE OF THE LOCAL SOCIO-CULTURAL CONTEXT IN LEARNING ARABIC TEXT

By

MOHD ZUHIR BIN ABD RAHMAN

March 2014

Chair : Assoc. Prof. Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research is a discourse analysis study done on learning the Arabic language, with the aim of identifying and analysing the influential elements of the local socio-cultural context while explaining the relationship between the influences of the local socio-cultural context and learning the Arabic language in school. The socio-cultural context plays a very significant role in understanding a particular language that is produced. This research employs three main methods, which is literature review, content analysis of learning texts, and the field method of survey done on 50 teachers in 10 schools in Negeri Sembilan. Meanwhile, 35 students who were selected as respondents of the case study were students from Sekolah Menengah Agama Nilai. The theory of “Social Semiotics of Language” in the “Social Context” model framework put forth by Halliday (1978) consisting of the context of the situation, culture, and ideology has become fundamental to this research. The “Social Context” model framework in this research has been modified by introducing the principle of “the Malay Language” and “the Malaysian Culture” introduced by Asmah Haji Omar (1991). Meanwhile, the context of ideology is made compatible with the principle of “the Comprehensiveness of Islam” adduced by al-Qaraḍāwīy (1995). The analysis of the influence of the local socio-cultural context on Arabic discourse learning texts can be categorized in the contexts of situation, language, culture and religion. From the 20 learning texts that were analysed, there were 16 elements representing the situation context (5.4%), 225 elements representing the language context (75.5%), 35 elements representing the culture context (11.7%), and 22 elements representing the religion context (7.4%). Meanwhile, the survey analysis found that 46 respondents (92%) agreed that the influence of the local socio-cultural context has a close relationship with the learning of Arabic discourse and is able to play the role of enhancing the students’ mastery of Arabic in schools. At the same time, the average numbers of respondents who stated that the Arabic language learning texts that contain elements of local socio-cultural context are capable of stimulating the students’ interests and make the learning of the Arabic language easier were 34 students (97%). It is anticipated that the study on the influence of the local socio-cultural context in the learning of Arabic discourse will be able to produce a new approach towards the learning of Arabic, as well as enriching the academic corpus of knowledge of Arabic in Malaysia.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat untuk sekalian alam.

Puji dan syukur saya rafa'kan kehadiran Allah SWT kerana dengan taufik dan inayahNya saya dapat menyiapkan tesis ini yang bertajuk "Pengaruh Konteks Tempatan Dalam Teks Pembelajaran Arab".

Pertamanya suka saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khusus kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar, dibantu oleh Dr. Che Radiah binti Mezah dan Dr. Ab. Halim bin Mohamad yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penulisan tesis ini dari awal sehingga sempurna.

Jutaan terima kasih dan penghargaan turut dihulurkan kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamri bin Ahmad dan Timbalan Dekan Siswazah Prof. Madya Dr. Ain Nadzimah binti Abdullah, serta kepada para pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM atas curahan ilmu yang tidak terhingga nilainya, terutama Prof. Madya Dr. Abd Rauf bin Haji Hassan, Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zanon Hamzah, dan Prof. Madya Dr. Normaliza binti Abd Rahim.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi peluang menyambung pelajaran dan membiayai pengajian ini, juga Yayasan Terengganu dan tidak ketinggalan kepada sahabat-handai, rakan-rakan seperjuangan, dan teman-teman yang memberikan dorongan, sokongan, motivasi, dan semangat sehingga berjaya dalam mengejar cita-cita.

Kepada kedua ibu bapa Hajah Zainab binti Abu Bakar dan Haji Abd. Rahman bin Diah yang merupakan guru pertama, anakanda hulurkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana menjaga, membesar, dan mendidik diri ini dari kecil sehinggalah sekarang. Jasa, pengorbanan, ketabahan, kegigihan, dan kesabaran bonda dan ayahanda dalam mendidik diri ini hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya.

Buat isteri tersayang Aisah binti Sekbong, dan anakanda yang dikasihi Muhaimin jutaan terima kasih diucapkan kerana amat memahami diri ini dalam mencari setitis ilmu, serta atas segala bantuan, sokongan, dorongan, dan kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian di peringkat ijazah Doktor Falsafah dan penyediaan tesis ini.

Semoga segala usaha dan pengorbanan kita semua mendapat ganjaran yang sewajarnya di sisi Allah SWT, Amin Ya Rabba Al 'Alamin.

MOHD ZUHIR BIN ABD RAHMAN
Zulhijjah 1434H / Mac 2014M

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah Binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ab. Halim Bin Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
KELULUSAN	vii
PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH	viii
PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI	xvii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Status Bahasa Arab di Malaysia	2
1.1.2 Wacana, Teks dan Konteks	3
1.1.3 Konteks Tempatan dalam Wacana Arab	6
1.1.4 Kepentingan Konteks Tempatan dalam Pembelajaran Wacana Arab	15
1.2 Pernyataan Masalah	17
1.3 Persoalan Kajian	23
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Kepentingan Kajian	23
1.6 Batasan Kajian	25
1.7 Definisi Operasional	28
1.7.1 Pengaruh	28
1.7.2 Konteks Tempatan	29
1.7.3 Teks Pembelajaran Arab	30
1.7.4 Analisis Wacana	30
1.8 Kesimpulan	31
2 SOROTAN LITERATUR	32
2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian Unsur Pengaruh Konteks Tempatan	32
2.3 Kajian Konteks Tempatan dalam Pembelajaran Bahasa Arab	48
2.4 Perkaitan Sorotan Kajian dengan Penyelidikan	54
2.5 Kesimpulan	55
3 METODOLOGI KAJIAN	57
3.1 Pengenalan	57
3.2 Reka Bentuk Kajian	57
3.3 Kerangka Teori	58
3.3.1 Teori Semiotik Sosial - Halliday (1978)	58
3.3.2 Prinsip Konteks Bahasa - Asmah Haji Omar	58

	(1991)	65
	3.3.3 Prinsip Konteks Budaya - Asmah Haji Omar	
	(1991)	70
	3.3.4 Prinsip Konteks Agama - Al-Qaradāwīy (1995)	71
3.4	Kerangka Konseptual	73
3.5	Kaedah Kajian	73
	3.5.1 Kaedah Kepustakaan	74
	3.5.2 Kaedah Analisis Kandungan	74
	3.5.3 Kaedah Lapangan	75
3.6	Tempat Kajian	76
3.7	Populasi dan Pensampelan	77
3.8	Bahan Kajian	77
	3.8.1 Teks Pembelajaran	77
	3.8.2 Borang Soal Selidik	78
3.9	Tatacara Kajian	79
	3.9.1 Pemilihan Teks	79
	3.9.2 Kajian Rintis	80
	3.9.3 Kajian Sebenar	80
3.10	Penganalisan Data	81
	3.10.1 Mengenal Pasti Unsur Pengaruh Konteks Tempatan dalam Pembelajaran Wacana Arab	81
	3.10.2 Menganalisis Unsur Pengaruh Konteks Tempatan dalam Teks Pembelajaran Wacana Arab	82
	3.10.3 Menjelaskan Pertalian Pengaruh Konteks Tempatan dengan Pembelajaran Bahasa Arab dan Peranannya dalam Pembelajaran	84
3.11	Kesimpulan	84
4	ANALISIS PENGARUH KONTEKS TEMPATAN	85
4.1	Pengenalan	85
4.2	Pengenalpastian Konteks Tempatan dalam Teks Pembelajaran	86
	4.2.1 Konteks Situasi (سياق الموقف)	86
	4.2.2 Konteks Bahasa (السياق اللغوي)	92
	4.2.3 Konteks Budaya (السياق الثقافي)	97
	4.2.4 Konteks Agama (السياق الديني)	100
4.3	Analisis Pengaruh Konteks Tempatan	103
	4.3.1 Analisis Konteks Situasi	103
	4.3.2 Analisis Konteks Bahasa	114
	4.3.3 Analisis Konteks Budaya	129
	4.3.4 Analisis Konteks Agama	136
4.4	Pertalian Pengaruh Konteks Tempatan dalam Pembelajaran	142
	4.4.1 Pengaruh Konteks Tempatan Menurut Persepsi Guru	143
	4.4.2 Pengaruh Konteks Tempatan Menurut Persepsi Pelajar	153
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	161
4.6	Kesimpulan	162

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	164
5.1	Pengenalan	164
5.2	Rumusan Kajian	165
5.3	Cadangan Pembelajaran Bahasa Arab	169
	5.3.1 Bahan Pembelajaran	169
	5.3.2 Pengajar Bahasa Arab	170
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	171
5.5	Kesimpulan	172
	BIBLIOGRAFI	173
	LAMPIRAN	189
1.	Teks Pembelajaran Wacana Arab (TPA)	189
2.	Soal Selidik Pengaruh Konteks Tempatan Dalam Pembelajaran Wacana Arab	210
3.	Soal Selidik Ujian Teks Pembelajaran Wacana Arab Terhadap Pelajar	213
4.	Surat-surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan di Sekolah	217
	BIODATA PELAJAR	221
	SENARAI PENERBITAN	222

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Aspek Konteks Situasi	26
1.2	Aspek Kata Pinjaman Arab	26
1.3	Aspek Kata Melayu Asli	26
1.4	Aspek Ibadah dalam Konteks Agama	28
3.1	Kerangka Analisis Pengaruh Konteks Tempatan	65
3.2	Skala Tafsir Analisis Soal Selidik	79
3.3	Analisis Keseluruhan Dapatan Kajian Rintis	80
3.4	Laporan Penyelidikan Lapangan Kajian Sebenar	80
3.5	Rumusan Analisis Pengaruh Konteks Tempatan	84
4.1	Analisis Unsur Konteks Situasi	87
4.2	Contoh Aspek Lokasi dalam Teks	87
4.3	Contoh Aspek Peristiwa dalam Teks	89
4.4	Analisis Unsur Konteks Bahasa	93
4.5	Contoh Kata Pinjaman Arab dalam Teks	93
4.6	Contoh Kata Melayu Asli dalam Teks	96
4.7	Analisis Unsur Konteks Budaya	98
4.8	Contoh Unsur Konteks Budaya	98
4.9	Analisis Unsur Pengaruh Konteks Agama	101
4.10	Contoh Unsur Konteks Agama	101
4.11	Analisis Pengaruh Konteks Situasi Berdasarkan Teori Halliday (1978)	104
4.12	Analisis Kata Pinjaman Arab	115
4.13	Analisis Kata Nama Khas	116
4.14	Analisis Kata Nama Am	117
4.15	Unsur Kata Pinjaman Arab Kategori KAK	120
4.16	Analisis Kata Melayu Asli	122
4.17	Analisis Unsur Kata Melayu Asli Kategori KNK	122
4.18	Analisis Kata Nama Institusi atau Badan	123
4.19	Analisis Kata Nama Negara atau Negeri	123
4.20	Analisis Kata Nama Tempat	124
4.21	Unsur Kata Nama Bangsa	125
4.22	Analisis Kata Nama Gelaran	126
4.23	Analisis Unsur Konteks Tempatan Jenis Kata Nama Khas	128
4.24	Analisis Kata Nama Am	128
4.25	Analisis Konteks Budaya Masyarakat Majmuk	130
4.26	Analisis Konteks Budaya Jenis Makanan	132
4.27	Analisis Konteks Budaya Unsur Perayaan	134
4.28	Analisis Pengaruh Konteks Agama Aspek Akidah	137
4.29	Analisis Pengaruh Konteks Agama Aspek Ibadah	140
4.30	Penjelasan Skala Pemarkahan	142
4.31	Interpretasi Tahap Persetujuan Skor Min	142
4.32	Penjelasan Gabungan Skala Soal Selidik dan Analisis	143
4.33	Taburan Responden Mengikut Gender	143
4.34	Taburan Lulusan Kelulusan Bahasa Arab	144
4.35	Taburan Kelayakan Akademik Tertinggi	144
4.36	Taburan Tempoh Pengalaman Mengajar	144

Jadual	Halaman
4.37 Persepsi Responden Terhadap Peranan Konteks Situasi dalam Pembelajaran Wacana Arab	145
4.38 Persepsi Responden Terhadap Penerapan Bahasa Tempatan dalam Teks Pembelajaran Wacana Arab	146
4.39 Persepsi Responden Terhadap Peranan Unsur Budaya Dalam Teks Pembelajaran Wacana Arab	148
4.40 Persepsi Responden Terhadap Peranan Unsur Agama Dalam Teks Pembelajaran Wacana Arab	150
4.41 Persepsi Responden Terhadap Peranan Unsur Konteks Tempatan Dalam Teks Pembelajaran Wacana Arab	151
4.42 Taburan Responden Mengikut Gender	154
4.43 Taburan Taburan Mula Belajar Bahasa Arab	154
4.44 Taburan Taburan Minat Belajar Bahasa Arab	155
4.45 Taburan Status Mata Pelajaran Bahasa Arab	155
4.46 Taburan Pilihan Belajar di Sekolah Agama	155
4.47 Penjelasan Skala Pemarkahan	155
4.48 Pandangan Pelajar Terhadap “Teks A” Pembelajaran Bahasa Arab	156
4.49 Pandangan Pelajar Terhadap “Teks B” Pembelajaran Bahasa Arab	158
5.1 Rumusan Analisis Pengaruh Konteks Tempatan	165
5.2 Rumusan Analisis Pengaruh Konteks Bahasa	166

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Model Konteks Sosial dalam Teori Semiotik Sosial (Halliday, 1978).	62
3.2	Model Analisis Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan Berdasarkan Teori Semiotik Sosial (Halliday, 1978).	64
3.3	Kerangka Konseptual Penyelidikan Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan dalam Teks Pembelajaran Arab.	73
5.1	Model Kerangka Analisis Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan dalam Pembelajaran Wacana Arab (Mohd Zuhir Abd Rahman, 2013).	167



SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	-	PENJELASAN
BAK	-	Bahasa Arab Komunikasi
BAT	-	Bahasa Arab Tinggi
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPNS	-	Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan
j-QAF	-	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab, dan Fardhu Ain
KAA	-	Kelas Aliran Agama
KAK	-	Kata Arab Kekal
KAM	-	Kata Arab Melayu
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KMA	-	Kata Melayu Asli
KNA	-	Kata Nama Am
KNK	-	Kata Nama Khas
KPA	-	Kata Pinjaman Arab
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LFS	-	Linguistik Fungsional Sistemik
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PRPM	-	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
SAW	-	Sallahualaihiwasallam
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SFL	-	Sistemik Fungsional Linguistik
SMAR	-	Sekolah Menengah Agama Rakyat
SMAN	-	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Science Social</i>
SWT	-	Subhanahuwataala
TPA	-	Teks Pembelajaran Arab
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

A. Konsonan:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	,
ي	y
ة	ah*

**Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.*

B. Vokal:

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أَي	ay
ي	i	ي	ī	أَوْ	aw
و	u	و	ū		

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian bahasa dan linguistik pada masa ini memperlihatkan kemajuan dan perkembangan kajian serta pembangunan penyelidikan khususnya dalam bidang analisis wacana. Penerokaan dalam bidang ini telah memperlihatkan kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam konteks situasi sebenar yang diaplikasikan dalam kehidupan manusia seharian.

Dalam bidang bahasa dan linguistik, wacana dan konteks merupakan dua elemen penting yang mempunyai hubungan erat antara satu sama lain. Asmah Haji Omar (2009:36-37), menjelaskan konsep wacana digunakan dengan begitu meluas dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti falsafah, kesusasteraan, antropologi, dan linguistik yang merangkumi penggunaan bahasa dalam kehidupan manusia seharian. Pengertian wacana yang dibawa oleh ahli linguistik dan ahli antropologi mempunyai unsur persamaan yang dapat disimpulkan sebagai pewujudan makna (*the making of meaning*) dalam kehidupan seharian manusia melalui penggunaan bahasa. Namun, walau dalam bidang mana sekalipun wacana tetap mendapat tempatnya. Terdapat satu pengertian asas bagi wacana, iaitu “penghasilan fikiran melalui teks” di mana dalam setiap teks, penulis akan memberi makna kepada ideanya.

Konteks pula merupakan unsur luaran teks sebagai wadah yang berperanan untuk menentukan maksud atau makna yang dihasilkan melalui sesebuah wacana. Menurut Abdullah Hassan (2007:20), konteks itu bermaksud budaya masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut dan kemahiran berbahasa dapat dipelajari melalui pendedahan kepada bahasa yang digunakan dalam sesuatu konteks. Konteks memainkan peranan yang amat penting dalam analisis wacana kerana ia akan menentukan ketepatan makna sesuatu bahasa yang dihasilkan. Kepentingan konteks dan peranannya dalam bahasa dibuktikan melalui pernyataan Tarigan H.G. bahawa:

Peranan dan fungsi bahasa bergantung kepada situasi dan keadaan serta konteksnya. Hal inilah yang menyebabkan ada para sarjana bahasa mengatakan bahawa “*in language, context is everything*”.

(Tarigan H.G., 1993:5-6)

Oleh yang demikian, sesuatu wacana yang dihasilkan tanpa kehadiran unsur konteks berkemungkinan tidak menepati maksud atau makna yang sebenar dan ditafsirkan mengikut kefahaman pendengar atau penerima dengan pelbagai tafsiran. Justeru, melalui penyertaan unsur konteks sesuatu wacana yang dihasilkan dapat difahami dengan mudah dan sesuatu komunikasi itu dapat disampaikan dengan lebih jelas dan tepat. Perkara ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Abdullah Hassan (2007:219) bahawa kajian makna perlu melihat melalui wacana dan pragmatik, iaitu penggunaan bahasa dalam konteks.

Analisis wacana merupakan satu kajian yang berorientasikan makro linguistik dengan menjadikan bahasa sebagai matlamat komunikasi (Mohd Azidan Abdul Jabar, 2011:1). Analisis wacana juga meliputi kajian dan analisis unit bahasa yang

melebihi batasan ayat dan klausa (Stubbs, 1989:1). Ia juga meliputi aspek komunikasi sama ada secara lisan mahupun dalam bentuk tulisan (McCarthy, 1991:5). Manakala Brown dan Yule (1983:1) turut menjelaskan bahawa analisis wacana adalah kajian yang memfokus kepada penggunaan bahasa sebenar dalam kehidupan seharian manusia atau masyarakat. Oleh itu, “konteks situasi” merupakan salah satu unsur penting dalam kajian analisis wacana yang juga dimaksudkan sebagai “keperihaln keadaan”.

1.1.1 Status Bahasa Arab di Malaysia

Bahasa Arab merupakan bahasa yang telah diwartakan sebagai mata pelajaran bahasa asing dalam kurikulum pendidikan dan dipelajari secara formal oleh pelajar sekolah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Status mata pelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing merupakan satu dasar yang telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996 seperti berikut:

Seksyen 2. (d) di mana kemudahan bagi pengajaran: (iii) bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana bahasa asing lain boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian.

(Akta Pendidikan 1996, 1998:19)

Akta Pendidikan 1996 (1998:135-137), dalam bab Peraturan-peraturan Pendidikan 1997 (Kurikulum Kebangsaan), menyatakan tentang pelaksanaan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah menengah. Rentetan daripada itu, Bahasa Arab Komunikasi (BAK) telah dikategorikan sebagai satu mata pelajaran tambahan, manakala Bahasa Arab Tinggi (BAT) pula merupakan mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia.

Kurikulum Bahasa Arab sekolah menengah mula digubal secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 01 Januari 1977 seiring dengan pengambilan sembilan (9) buah sekolah di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang terdiri daripada Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) oleh KPM. Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) disemak semula, sukatan pelajaran Bahasa Arab juga turut berlaku penggubalan semula. Sukatan pelajaran Bahasa Arab yang baharu ini yang melibatkan pembelajaran bahasa Arab di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kelas Aliran Agama (KAA) dan juga Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang dilaksanakan mulai tahun 1991 (JAPIM, 2002:1).

Sukatan Pelajaran adalah dokumen penting yang menjadi rujukan utama dalam penyediaan dan pembinaan bahan pembelajaran sekolah. Buku teks merupakan bahan pembelajaran utama di sekolah dan sebagai sumber rujukan utama kepada para guru dan pelajar dalam pembelajaran. Oleh itu, penggubalan buku teks perlu seiring dengan perubahan dan semakan yang berlaku terhadap sukatan pelajaran. Pembinaan bahan dalam buku teks juga perlu mengambil kira aspek penyediaan teks dan pendekatan pembelajaran yang mempunyai perkaitan dengan situasi persekitaran pembelajaran yang berlatarkan konteks tempatan, khususnya pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sebagai bahasa asing. Perkara ini penting sebagai usaha dalam memastikan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sudah tentu berbeza dengan pembelajaran bahasa Arab di negara Arab atau di negara bukan Arab selain daripada Malaysia. Konteks tempatan yang melatari pembelajaran bahasa Arab di Malaysia memberikan ciri-ciri dan kesan yang tersendiri terhadap pendekatan, kaedah, amalan serta proses pembelajaran bahasa. Pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran merangkumi faktor sosiobudaya, agama, persekitaran masyarakat, bahasa ibunda, status bahasa Arab sebagai bahasa asing serta matlamat pembelajaran bahasa tersebut.

Pendekatan pembelajaran berasaskan latar konteks tempatan mengambil kira konteks pertuturan dan penulisan yang sebenar dalam pembinaan ayat dan penggunaannya dalam konteks situasi tempatan. Konteks tempatan berperanan dalam menghasilkan ayat yang digunakan secara lisan atau tulisan serta mampu memberikan kefahaman dan makna yang sebenar dalam bahasa Arab kepada pelajar. Kesemua faktor ini mempengaruhi dan membentuk konteks serta situasi pembelajaran bahasa yang tersendiri bagi mencapai matlamat dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

1.1.2 Wacana, Teks dan Konteks

Dalam kajian bahasa, bidang linguistik memiliki aspek kandungan dan pengetahuan bahasa yang lebih luas melepasi batasan ayat yang disebut sebagai wacana. Istilah wacana merupakan padanan atau terjemahan daripada perkataan “*discourse*” dalam bahasa Inggeris dan “*al-khitāb*” dalam bahasa Arab. Kamus Dewan, edisi keempat (2005:1793) memberikan definisi wacana sebagai keseluruhan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan seperti khutbah, pidato, ucapan atau dalam bentuk tulisan seperti surat, artikel, novel, dan cerpen. Wacana merujuk Kamus Linguistik, (1997:223) adalah unit bahasa yang lengkap dan tertinggi yang terdiri daripada deretan kata atau kalimat, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, yang dijadikan bahan analisis linguistik. Manakala konteks seperti yang termaktub dalam Kamus Linguistik (1997:140) mendukung makna bunyi, kata atau frasa yang mendahului dan mengikuti butir linguistik tertentu dalam sesuatu ujaran atau teks.

Tarigan, H.G. (1993:26), merumuskan wacana adalah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koheren dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau tulisan. Satuan bahasa secara linguistik mempunyai urutan dari unsur bahasa yang terkecil sehingga kepada unsur yang terbesar, yang terdiri daripada fonem, morfem, kata, frasa, klausa, kalimat, dan wacana.

Manakala Junaiyah, H.M. (2010:2-6), menjelaskan bahawa dalam kehidupan seharian, perkataan wacana dikaitkan dengan pelbagai bidang tertentu dan mempunyai makna serta kefahaman yang berbeza-beza. Beliau turut menjelaskan bahawa wacana juga amat bergantung kepada keutuhan unsur makna dan konteks yang melingkupinya. Ini adalah kerana wacana memiliki dua unsur penting, iaitu unsur dalaman (*internal*) dan unsur luaran (*external*). Unsur dalaman adalah berkaitan dengan aspek formal bahasa, manakala unsur luaran adalah berkaitan dengan sesuatu di luar wacana itu sendiri. Kedua-dua unsur itu membentuk satu kesepaduan dalam sesuatu struktur bahasa yang terlengkap lagi utuh dan disebut sebagai konteks wacana.

Sejarah analisis wacana dalam kajian bahasa dan linguistik bermula di Great Britain seawal tahun 1950-an yang berfokus kepada kajian tentang hubungan bahasa dan masyarakat. Menurut T. Fatimah Djajasudarma (2006:1), analisis wacana mencapai tahap kemajuan perkembangannya seawal tahun 1970-an berdasarkan pendekatan teori “Konteks Situasi” yang dibangunkan oleh Firth (1951). Melalui gagasannya, Firth menyatakan bahawa bahasa hanya mempunyai makna dan berfungsi jika dimasukkan dalam konteks situasi penggunaannya, ini kerana penyelidikan bahasa dan penggunaan fungsi bahasa ada pada konteksnya. Kenyataan ini turut disokong oleh Nurul Huda Lūshan (2006:47), bahawa sesuatu makna bahasa dihasilkan perlu mengambil kira unsur situasi keadaan, iaitu konteks persekitaran yang berfungsi sebagai bahasa dalam sesuatu pertuturan.

Teks menurut Junaiyah, H.M. (2010:55), merupakan bahasa tulisan yang bersifat monolog dan tidak interaktif, sedangkan wacana adalah lebih dekat kepada bahasa lisan yang bersifat dialog dan interaktif. Teks dapat disamakan dengan naskhah atau tulisan yang berisi bahan atau maklumat tertentu, seperti teks atau naskhah kuliah dan teks atau naskhah pidato. Perbezaan kedua istilah ini adalah terletak kepada penggunaannya yang melahirkan istilah analisis teks dan analisis wacana. Unsur kajian analisis teks adalah berbentuk formal yang melibatkan bahasa, seperti kosa kata dan ayat, sedangkan unsur kajian analisis wacana pula memasukkan unsur-unsur mengenai konteks wacana yang berada di luar teks.

Manakala menurut van Dijk, teks direalisasikan atau diwujudkan dalam bentuk wacana dan lebih bersifat konseptual (Nababan, 1987:64). Beliau melihat suatu teks terdiri daripada struktur yang saling mendukung antara satu sama lain daripada tiga kategori, iaitu makro yang merupakan makna global, superstruktur yang merupakan struktur wacana, dan struktur mikro adalah makna wacana daripada sesuatu teks (Eriyanto, 2001:226). Halliday dan Hassan (1985:10) menjelaskan bahawa teks adalah terdiri daripada satuan perkataan dan ayat yang mengandungi sejumlah makna yang disatukan dan teks merupakan bahan utama yang menghasilkan bahasa. Atas dasar kesatuan tersebut, maka teks mestilah dilihat daripada dua dimensi secara bersama, iaitu dari segi hasil (produk) dan dari segi proses. Hal ini demikian kerana, teks dianggap sebagai hasil keluran bahasa yang dapat difahami dan dipelajari, memiliki susunan tertentu serta dapat diuraikan ke dalam istilah yang sistematik.

Cook dalam Eriyanto (2001:9) menjelaskan bahawa tiga (3) perkara utama yang mempunyai pertalian dalam analisis wacana, iaitu teks, konteks, dan wacana:

- i. teks adalah semua bentuk bahasa, bukan hanya ungkapan kata-kata yang tertulis di atas kertas, tetapi juga merangkumi semua unsur seperti, ekspresi komunikasi, ucapan, muzik, gambar, kesan suara, citra, dan sebagainya.
- ii. konteks merangkumi semua situasi dan hal yang berada di luar teks dan mempengaruhi penggunaan bahasa seperti, penyertaan dalam bahasa, situasi di mana teks tersebut dihasilkan, fungsi yang dimaksudkan, dan sebagainya.
- iii. manakala wacana dimaksudkan sebagai teks dan konteks secara bersama. Dalam analisis wacana tidak hanya proses kognitif diperlukan, tetapi juga perlu gambaran dari aspek budaya yang dibawa. Kajian mengenai bahasa menunjukkan bahawa konteks perlu dimasukkan kerana bahasa selalunya berada dalam konteks dan tidak ada aktiviti komunikasi tanpa penyertaan, interaksi, dan situasi.

Dalam analisis wacana, konteks mempunyai kedudukan yang sangat penting kerana ia akan menentukan ketepatan dan kesesuaian dari aspek makna dan perkaitan terhadap sesuatu teks. Hakikatnya, teks dan konteks merupakan dua elemen yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam analisis wacana. Ini adalah kerana kajian analisis wacana adalah mengkaji teks berdasarkan kepada pengetahuan konteks untuk diberikan kepada pengguna teks seperti yang dijelaskan oleh Cook melalui pernyataan beliau seperti berikut:

Discourse analysis concerns the interaction of texts with knowledge of context to create discourse... Discourse analysis must therefore be both a study of the formal linguistic qualities of stretches of language (text), and a study of the variable perception of these stretches of language by individuals and groups.

(Cook, 1994:23-25)

Konteks wacana seperti yang dinyatakan oleh Junaiyah, H.M. (2010:60), merupakan situasi latar terjadinya sesuatu komunikasi. Konteks dapat dianggap sebagai sebab mengapa sesuatu komunikasi atau dialog terjadi. Justeru, segala sesuatu yang berkaitan dengan pertuturan seperti, erti, maksud, dan informasi wacana amat bergantung kepada konteks yang menjadi latar suatu komunikasi atau pertuturan. Salah satu unsur penting yang berada dalam lingkungan konteks dalam kajian analisis wacana ialah konteks waktu dan konteks tempat.

Wacana dan konteks merupakan dua elemen bahasa yang saling berhubung dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sesuatu ujaran atau tulisan itu dihasilkan berdasarkan kehendak dan keperluan yang melatari sesuatu interaksi dan konteks yang tertentu. Konteks memainkan peranan yang amat penting dalam memahami sesuatu bahasa yang dihasilkan, ini jelas terbukti apabila Hymes, Dell menyatakan bahawa kata kunci untuk memahami sesuatu bahasa haruslah dimulakan dengan memahami konteksnya dan bukan melalui bahasanya. Hakikat ini terkandung dalam pernyataan beliau, iaitu:

The key to understanding language in context is to start not with language, but with context.

(dalam Kramsch, 1993:34)

Pendapat Hymes diperkukuhkan lagi melalui pandangan Moeliono (1988:172) bahawa konteks merupakan sebahagian daripada suatu huraian seperti ayat yang mendukung atau menambah penjelasan bagi menjelaskan sesuatu makna. Justeru, Junaiyah, H.M. (2010:60), menegaskan bahawa konteks ternyata memegang peranan yang amat penting untuk mentafsirkan wacana kerana konteks adalah segala-galanya "*context is everything*". Jelasnya, perkaitan antara wacana dan konteks terbukti melalui pernyataan Al-Sakkāki, iaitu:

"إِذَا شَرَعْتَ فِي الْكَلَامِ فَلِكُلِّ كَلِمَةٍ مَعَ صَاحِبَتِهَا مَقَامٌ وَلِكُلِّ حَدٍّ يَنْتَهِي إِلَيْهِ الْكَلَامُ مَقَامٌ"

Maksudnya: Apabila anda memulakan percakapan, maka setiap perkataan yang diucapkan itu ada bersama penuturnya konteks, dan setiap percakapan yang diakhiri kepadanya itu juga ada bersamanya konteks.

(Al-Sakkāki, 1937:74)

1.1.3 Konteks Tempatan dalam Wacana Arab

Berdasarkan perkembangan analisis wacana Arab, sarjana linguistik moden Arab Tammam Hassan (1986) telah memperkenalkan konsep perkaitan makna bahasa dengan konteks melalui buku beliau yang bertajuk “*Al-Lughah al-‘Arabiyyah Ma‘nāhā wa Mabnāhā*”. Beliau telah menyatakan bahawa sesuatu makna yang dihasilkan daripada bahasa tidak dapat diketahui dengan sempurna melainkan dengan melihat atau merujuk kepada aspek konteks situasinya yang sebenar. Pandangan Tammām Hassan ini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan idea Firth, J.R. menerusi makalah beliau yang ditulis pada tahun (1950) bertajuk “*Personality and Language in Society*” (Halliday dan Hassan, 1976:22). Beliau merupakan pengasas kepada aliran pemikiran Linguistik British di Great Britain dengan menggunakan pendekatan “konteks situasi” seperti mana yang telah diasaskan oleh Bronislaw Malinowski (1923). Menurut Asmah Haji Omar (2009:38-39), Malinowski telah mengemukakan teorinya dengan menyatakan pandangan bahawa bahasa hanya mempunyai makna jika dimasukkan dalam konteks penggunaannya yang sebenar. Teori yang telah diasaskan oleh Malinowski itu dikenali sebagai “Teori Konteks Situasi” atau “*The Theory of the Context of Situation*”.

Konteks tempatan merupakan salah satu unsur konteks wacana yang terdapat dalam kajian bahasa dan linguistik. Konteks tempatan dan bahasa merupakan dua perkara yang saling berhubungan antara satu sama lain dalam penghasilan sesuatu wacana. Ini adalah kerana sesuatu komunikasi sama ada secara lisan atau tulisan dihasilkan berdasarkan kepada kehendak dan keperluan yang melatari situasi interaksi dan keadaan persekitaran yang tertentu. Kenyataan ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Gee, J.P. seperti berikut:

... in the sense of language and context being like two mirrors facing each other and constantly and endlessly reflecting their own images back and forth between each other.

(Gee, J.P., 1999:82)

Fenomena yang sama turut berlaku dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah, konteks tempatan juga menentukan makna dan cara penggunaan wacana Arab dalam kalangan pelajar. Pemilihan perkataan dan penggunaan kosa kata dalam pembinaan pola ayat oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab juga dibatasi dan ditentukan oleh konteks tempatan. Dalam membicarakan persoalan mengenai konteks tempatan yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab pelajar, empat kategori utama konteks tempatan yang terdapat dalam situasi kehidupan masyarakat Malaysia perlu dijelaskan, iaitu konteks situasi, konteks bahasa, konteks budaya, dan konteks agama.

1.1.3.1 Konteks Situasi

Konteks situasi merujuk kepada keperihalan keadaan yang berkaitan dengan sesuatu bahasa yang dihasilkan. Unsur-unsur konteks dalam bahasa turut memiliki hubungan yang erat dengan unsur konteks lain yang berada di luar lingkungan linguistik merangkumi konteks situasi persekitaran iaitu, latar (*setting*), peserta (*participant*), amanat (*act*), hasil (*ends*), cara (*key*), sarana (*instrument*), norma (*norms*), dan jenis (*genre*). Kesemua unsur tersebut asalnya adalah dalam bahasa Inggeris yang telah dirumuskan oleh Hymes (1972) sebagai akronim “*SPEAKING*” (Kramsch, 1993:37).

Manakala Cook, Guy menyatakan bahawa antara unsur dalam lingkungan konteks dan dianggap penting dalam analisis wacana ialah siapa, mengapa, bagaimana, bila (waktu), di mana (tempat), latar situasi, latar masyarakat serta hubungan sosial dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Kenyataan ini digambarkan seperti berikut:

The main focus of discourse analysis is on language, it is not concerned with language alone. It also examines the context of communication: who is communicating with whom and why; in what condition of society and situation, through what medium; how different types of communication involved, and their relationship to each other.

(Cook dalam Eriyanto, 2001:9)

Konteks situasi juga menentukan interpretasi sesuatu ayat atau teks yang digunakan tepat dan sesuai dalam penggunaan bahasa kerana penentuan makna bagi sesebuah wacana amat bergantung kepada konteksnya. Hakikat ini jelas membuktikan bahawa konteks dan wacana mempunyai hubungan dalam menentukan penghasilan sesuatu makna dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Jika diteliti dalam kitab tafsir al-Quran, didapati metodologi pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang digunakan oleh ulama tafsir jelas membuktikan bahawa konteks situasi amat penting dalam mentafsir sesuatu ayat al-Quran.

Para ulama tafsir tidak hanya melihat ayat al-Quran dari aspek leksikal dan gramatikal sahaja, malahan akan merujuk kepada konteks situasi bagi sesuatu ayat al-Quran yang diturunkan dalam memberi tafsiran terhadap tujuan penurunan ayat tersebut. Umpamanya, firman Allah SWT dalam surah al-Maa`un, ayat 4 yang berbunyi:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang ahli sembahyang”.

(Abdullah Basmeih,1994:1439)

Jika diperhatikan maksud ayat ini secara sendirian, maka ia adalah bertentangan dengan syariat Islam, di mana orang yang mengerjakan solat menerima balasan buruk daripada Allah SWT, namun begitu ayat seterusnya merupakan konteks yang mempunyai hubungan dengan ayat sebelumnya bagi menjelaskan maksud sebenar golongan yang mengerjakan solat tetapi mendapat kecelakaan, iaitu firman Allah SWT dalam surah al-Mā`ūn, ayat 5 yang berbunyi:

الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: “iaitu mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya”.

(Abdullah Basmeih,1994:1439)

Berdasarkan kepada ayat ini jelas terbukti bahawa konteks benar-benar mempunyai peranan yang amat penting bagi memahami maksud atau makna bahasa melalui wacana yang dihasilkan. Justeru, sesebuah wacana yang dihasilkan tanpa merujuk kepada konteksnya yang sebenar tidak mungkin bertepatan dengan kehendak situasi

yang tertentu dan keadaan ini menyebabkan mesej yang hendak disampaikan tidak sempurna atau mungkin disalah tafsir. Hakikat ini sebenarnya disokong oleh teori yang dibangunkan oleh Bronislaw Malinowski yang mengatakan bahawa bahasa hanya mempunyai makna jika dimasukkan dalam konteks penggunaannya, dan teori ini dikenali sebagai "*The Theory Context of Situation*" atau "Teori Konteks Situasi" (Halliday dan Hassan, 1974:21).

1.1.3.2 Konteks Bahasa

Bahasa merupakan salah satu perantara atau medium yang penting bagi sesebuah masyarakat menyalurkan budaya serta mewariskan nilainya daripada satu kumpulan kepada kumpulan yang lain dan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Bahasa juga menggambarkan sikap penutur terhadap sesuatu perkara melalui kata-kata atau ungkapan yang dilafazkan serta memperlihatkan secara tersurat atau tersirat cara penutur menilai sesuatu persoalan (Saidatul Nornis, 2007:3). Salah satu unsur konteks tempatan yang mempengaruhi pembelajaran wacana Arab ialah konteks bahasa. Terdapat dua unsur yang dibincangkan dalam konteks bahasa yang menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini, iaitu "Kata Pinjaman Arab" (KPA) dalam bahasa Melayu dan "Kata Melayu Asli" (KMA).

Konteks bahasa yang melibatkan KPA dalam bahasa Melayu telah dijelmakan dalam teks pembelajaran wacana Arab. Pembinaan bahan pembelajaran dalam buku teks bahasa Arab telah memperlihatkan unsur konteks tempatan daripada kategori konteks bahasa yang terdiri daripada KPA dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu telah banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang dibawa oleh para pedagang berbangsa Arab. Menurut Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007:31-35) berdasarkan kepada sejarah, bahasa Melayu telah dipengaruhi oleh bahasa Arab yang dianggap sebagai pengaruh yang terbesar dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu begitu mudah dipengaruhi oleh bahasa Arab kerana ia merupakan bahasa al-Quran dan peranan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam penyebaran agama Islam, manakala masyarakat Melayu pula begitu sinonim dengan agama Islam. Abdul Rahman Chik menjelaskan bahawa antara faktor utama peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu adalah disebabkan oleh tersebarnya agama Islam di Alam Melayu (Wan Salsa Billa, 2008:56).

Pengaruh bahasa Arab begitu luas meresap ke dalam bahasa Melayu yang merangkumi pelbagai bidang seperti; agama, sosiobudaya, ekonomi, ilmu pengetahuan, pendidikan, dan kemasyarakatan. Menurut Skinner yang dipetik daripada Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007:38), pengaruh yang paling besar bahasa Arab terhadap bahasa Melayu ialah dari segi penggunaan kosa kata yang merupakan kata pinjaman bahasa Arab.

Perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi Kamus Bahasa Melayu yang dikarang oleh orang Melayu. Antaranya ialah "Kamus al-Hamidi" yang dihasilkan oleh Abdul Hamid Ahmad (1941) yang mengandungi 2,000 patah perkataan Arab. Kamus "Gugus Kata Arab-Melayu" oleh Muhammad Said (1931) telah memuatkan 1,725 patah perkataan Arab. Manakala Kamus Dewan (1970) cetakan pertama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang menggambarkan penggunaan perkataan Arab dengan lebih terkini telah memuatkan sebanyak 1,100 patah perkataan Arab.

Manakala menurut Abdul Rahman Chik dalam satu makalah menyatakan bahawa kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu telah mencecah sejumlah 3,303 perkataan (Ahmad Qasim Kassar, 2013:171).

Namun begitu, perkara yang jelas ialah bahasa Melayu telah mengalami proses pengislaman terutama dari segi penggunaan istilah Islam yang diterima ke dalam bahasa Melayu. Menurut Za'ba (2002:274-276), perkataan Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu adalah terdiri daripada pelbagai bidang, antaranya ialah bidang berkenaan keagamaan, keilmuan, fikiran dan perasaan, hukuman dan peraturan, adat dan pergaulan manusia, serta benda-benda kejadian dan perbuatan.

Manakala dari segi keluasan pengaruh, bahasa Arab telah mempengaruhi hampir semua aspek bahasa Melayu yang merangkumi aspek fungsi dan struktur bahasa sama ada dari segi kosa kata, unsur tatabahasa, dan gaya pengungkapan bahasa. Perkara ini dinyatakan oleh Al-Attas (1969:11) bahawa akibat proses pengislaman, bahasa Melayu menjadi alat perantaraan dan penyampaian ajaran Islam, mengalami pengayaan istilah dengan kemasukan kata Arab dan Parsi, dan yang paling besar kesannya dapat dilihat pada penggunaan dan penyesuaian aksara Arab untuk mengeja bahasa Melayu.

Terdapat sejumlah besar kata pinjaman Arab yang telah diiktiraf sebagai bahasa Melayu dan digunakan secara meluas dalam penulisan dan pertuturan seperti yang termaktub dalam Kamus Dewan, edisi keempat (2005). KPA yang diaplikasikan dalam wacana pembelajaran Arab mampu meningkatkan penguasaan berbahasa dari aspek makna kepada pelajar serta memperkukuhkan kebolehan berkomunikasi dengan tepat, lancar, dan sesuai dengan keadaan makna yang dimaksudkan berdasarkan latar konteks situasi yang sebenar.

Kini, bahasa Melayu telah mengalami proses perubahan, antaranya terdapat lebih 2,000 patah perkataan Arab yang dimelayukan dan diberi pengiktirafan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi tujuan penggunaan seharian, penulisan akhbar, dan media massa, pendidikan dan pembelajaran bahasa Melayu serta penggunaan dalam budaya masyarakat Melayu. Justeru, penggunaan KPA adalah penting dalam pembinaan teks pembelajaran wacana Arab bagi tujuan meningkatkan kefahaman dan pemantapan penguasaan makna terhadap sesuatu teks atau ayat yang dipelajari, diujarkan, dibaca, dan ditulis oleh pelajar.

Manakala aspek kedua ialah KMA yang digunakan dalam teks pembelajaran wacana Arab. Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda bagi bangsa Melayu dan merupakan bahasa perhubungan dan komunikasi yang dipertuturkan oleh bangsa lain seperti Cina, India, dan bumiputera lain dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Bertepatan dengan ini, bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai "Bahasa Kebangsaan". Hal ini telah diperjelaskan oleh Siti Rosnah Ahmad bahawa:

Bahasa Melayu telah diisytiharkan dengan rasminya sebagai "Bahasa Kebangsaan" dalam perlembagaan Malaysia setelah Malaya (Malaysia sebelum merdeka) diberi kemerdekaan pada tahun 1957.

(Siti Rosnah Ahmad, 2002:16)

Penggunaan bahasa kebangsaan Malaysia (bahasa Melayu) dalam sebuah masyarakat majmuk menurut Siti Rosnah Ahmad (2001:5) dapat dilihat daripada dua aspek

utama iaitu; pertama, aspek penggunaan bahasa itu secara tidak langsung oleh masyarakat itu sendiri, dan kedua ialah tahap kesedaran pengguna serta pencapaian bahasa itu sebagai himpunan kata-kata yang wujud dalam pertuturan setiap hari antara individu yang berlatar belakang masyarakat pelbagai kelompok golongan bangsa dan bahasa seperti dalam fenomena masyarakat majmuk di Malaysia.

1.1.3.3 Konteks Budaya

Konteks budaya merupakan unsur budaya tempatan masyarakat Malaysia yang diamalkan oleh pelbagai bangsa dalam konteks masyarakat majmuk dan budaya Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Konteks persekitaran masyarakat majmuk di Malaysia merupakan aspek penting dalam konteks hubungan sosial antara penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan bersilang budaya demi mewujudkan perpaduan dan integrasi bangsa dalam kalangan penduduk Malaysia. Secara dasarnya, budaya bermaksud amalan atau corak kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat yang sentiasa hidup dan berkembang. Kamus Dewan (2005:180) mendefinisikan budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, dan akal budi. Manakala istilah “kebudayaan” pula ditakrifkan sebagai corak kehidupan sesuatu masyarakat yang merujuk kepada keseluruhan cara hidup manusia, cara bertindak, berkelakuan, berfikir dalam semua bidang melibatkan akal budi dan daya usaha mereka serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.

Noriati A. Rashid *et al.* (2011:5), menjelaskan budaya secara umumnya bermaksud cara hidup manusia. Budaya juga merupakan satu proses perkembangan sahsiah, akhlah, semangat, spiritual, dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok. Hal ini dapat dilihat melalui etimologi perkataan budaya itu sendiri yang bermaksud “budi” dan “daya”. Perkataan “budi” merupakan aspek dalaman manusia yang meliputi akal dan fikiran. Manakala “daya” pula sebagai aspek lahiriah yang mencakupi usaha dan hasil daripada tindakan manusia. Dari pandangan antropologi, Taylor seorang ahli antropologi yang terkemuka telah mendefinisikan budaya sebagai sesuatu yang menyeluruh, kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, kesenian moral, undang-undang, adat resam dan keupayaan serta amalan lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala Nida telah membahagikan budaya kepada lima jenis, iaitu ekologi, metarial, sosial, agama, dan linguistik (Goh Sang Seong, 2012:12-14).

Dari sudut pandangan falsafah, Koentjaraningrat menjelaskan budaya merupakan keseluruhan pemikiran dan hasil karya manusia yang berasaskan kepada proses pembelajaran. Budaya menurut definisi ini mencakupi hampir keseluruhan dimensi kehidupan manusia yang mengandungi tujuh unsur utama iaitu, agama dan upacara keagamaan, sistem organisasi kemasyarakatan, sistem pengetahuan, bahasa, kesenian, sistem ekonomi, dan sistem teknologi dan peralatan. Ketujuh-tujuh unsur inilah yang membentuk budaya keseluruhan dalam sesebuah masyarakat. Budaya juga boleh berubah berdasarkan kepada perubahan masa atau tempat dan kadangkala sesuatu budaya berubah hasil pertembungan dengan budaya lain yang dapat diterima oleh sesebuah masyarakat (Noriati A. Rashid *et al.*, 2011:3-4).

Menurut Melissa Ching dan Adnan Baharom (2011:3) budaya merangkumi dua lapangan besar dan mengkategorikan kepada dua komponen utama, iaitu: (i) Budaya

kebendaan atau material yang merujuk kepada ciptaan manusia yang nyata dan berbentuk konkrit seperti; rumah, peralatan, senjata, pakaian, dan lain-lain barang yang dikenali sebagai “artifak”, dan (ii) Budaya bukan kebendaan atau bukan material ialah ciptaan abstrak yang tidak bercorak kebendaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya seperti; ilmu pengetahuan, kepercayaan, pegangan, adat istiadat, adat resam, warisan, cerita rakyat, lagu atau tarian tradisional, nilai-nilai serta peraturan (hukum), dan lain-lain yang berkaitan dengan tingkah laku dalam kehidupan masyarakat yang dikenali sebagai “mantifek”.

Dalam konteks pandangan Islam pula, Mohd Sukki Othman (2005:84) menjelaskan bahawa apabila membicarakan persoalan “kebudayaan” maka, perkara yang paling penting dan perlu dilibatkan terlebih dahulu ialah “*semantic content*” ataupun kandungan maksud yang ada dalam istilah yang digunakan dalam Islam bagi menyebut suasana kehidupan kolektif Muslimin, antaranya ialah *millah* (agama), *ummah* (umat), *thaqafah* (kebudayaan), *tamaddun* (tamadun), *hadarah* (kemajuan) dan *adab* (peradaban).

Konteks budaya yang dibincangkan dalam penyelidikan ini adalah merangkumi dua kategori utama, iaitu “Budaya Malaysia” dan “Budaya Islam”. Budaya Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk, jenis makanan tradisional, sambutan perayaan, dan ceritan warisan Melayu. Masyarakat Malaysia pada hari ini meraikan pelbagai adat istiadat dan merayakan pelbagai sambutan perayaan sepanjang tahun. Perayaan yang mempunyai pengaruh agama Islam yang dirayakan oleh masyarakat Islam seperti, Aidilfitri atau lebih dikenali juga sebagai Hari Raya Puasa dan Aidiladha yang dikenali juga sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban. Kedua-dua ini merupakan perayaan keagamaan yang paling utama disambut oleh masyarakat Islam di Malaysia terutamanya orang Melayu. Selain itu, sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul, sambutan Nuzul al-Quran, sambutan Nisfu Syaaban, sambutan Awal Ramadhan, sambutan Israk dan Mikraj yang diraikan oleh masyarakat Islam Malaysia sebagai satu sambutan perayaan keagamaan.

Pemilihan budaya Malaysia dalam penyelidikan ini adalah disebabkan masyarakat Malaysia merupakan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kelompok bangsa dan mempunyai hubungan sosial antara satu sama lain dalam kelompok penempatan yang sama, tetapi mengamalkan budaya serta cara hidup yang berbeza berdasarkan pegangan, kepercayaan, dan amalan kelompok sesebuah masyarakat. Konteks budaya adalah salah satu unsur dalam konteks tempatan yang dikaitkan dengan adat resam dan kebudayaan sesebuah bangsa, bahasa ibunda, agama, amalan kehidupan serta faktor geografi, dan persekitaran sesebuah masyarakat atau negara.

Pengaruh budaya sesuatu bangsa dalam masyarakat Melayu, Cina, dan India dapat dilihat melalui amalan unsur tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang dan keturunan mereka sejak turun temurun. Unsur tradisional ini melambangkan identiti, ideologi, budaya, warisan, adat resam, dan sejarah ketamadunan sesebuah bangsa. Antara unsur konteks budaya Malaysia ialah jenis makanan tradisional yang merujuk kepada masyarakat Malaysia telah diterapkan dalam teks pembelajaran bahasa Arab. Manakala pengaruh budaya Malaysia dalam struktur masyarakat majmuk pula terdiri daripada penyertaan watak dalam kalangan bangsa Melayu, Cina, dan India yang melambangkan unsur perpaduan masyarakat yang wujud dalam teks pembelajaran bahasa Arab.

Manakala aspek kedua pula ialah budaya Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Pengaruh budaya Islam terhadap bahasa Arab amat jelas kerana al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama ajaran Islam diturunkan dengan menggunakan perantaraan bahasa Arab. Di samping itu, agama Islam merupakan unsur penting dalam kebudayaan kebangsaan dan amalan kehidupan masyarakat Islam Malaysia yang banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab dan ajaran Islam. Menurut A. Aziz Deraman dalam Melissa Ching dan Adnan Baharom (2011:60), beliau menjelaskan bahawa agama Islam adalah anutan sebahagian besar penduduk di rantau ini, dan ia telah bertapak di Nusantara semenjak 600 tahun yang lalu. Justeru, dengan kewujudan bersama secara harmonis unsur agama dan warisan pelbagai budaya seperti, budaya Melayu, Cina, dan India. Budaya Malaysia telah berjaya dilahirkan menerusi adat resam, peraturan, dan kesenian yang bersesuaian dengan hukum-hakam Islam. Budaya Islam merupakan salah satu daripada unsur pengaruh budaya tempatan yang diterapkan dalam pembelajaran wacana Arab yang dapat dilihat melalui wacana dalam buku teks bahasa Arab.

Secara dasarnya, bahasa dan budaya merupakan dua elemen utama yang menyumbang kepada kewujudan ketamadunan dan kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Bahasa berperanan membentuk budaya dalam sesebuah masyarakat manakala budaya merupakan segala penghasilan dalam sesebuah masyarakat merangkumi pelbagai bentuk dan rupa, sama ada yang dihasilkan secara zahir atau sebaliknya. Kewujudan dan keutuhan masyarakat serta ciri-ciri istimewa masyarakat dapat dilihat daripada bahasa dan budaya mereka. Setiap anggota masyarakat tidak dapat untuk memisahkan atau menjauhkan diri mereka daripada unsur-unsur yang menjadi perkongsian dalam masyarakat. Perkara ini dibuktikan melalui kenyataan Mohamad Rushdan Azizan (2012:1), bahawa bahasa berkait rapat dengan budaya kehidupan sesebuah masyarakat dan seseorang itu sudah pasti akan terpengaruh dengan pembudayaan dan penghasilan bahasa dalam sesebuah masyarakat adalah berdasarkan kepada situasi yang melingkungi persekitaran kehidupannya.

Konteks budaya amat penting untuk membuat penilaian dan perbezaan terhadap sesebuah masyarakat. Kepelbagaian kelompok masyarakat akan menjelmakan kepelbagaian budaya dalam kehidupan mereka seharian, seperti mana yang wujud di negara kita Malaysia pada hari ini. Jelasnya, konteks budaya memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Ini adalah kerana bahasa mempunyai hubungan yang erat dengan unsur budaya sesebuah masyarakat dan sesuatu bahasa itu dihasilkan melalui interaksi masyarakatnya. Perkara ini adalah bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Noriati A. Rashid *et al.*:

Manusia sendiri yang membentuk budaya. Perkembangan budaya adalah mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri...transmisi budaya dapat dilakukan melalui bahasa.

(Noriati A. Rashid *et al.*, 2011:4-7)

1.1.3.4 Konteks Agama

Perkataan agama atau “addin” membawa maksud kepercayaan atau pegangan yang menjadi anutan dan amalan kepada manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Keperluan kepada agama atau berpegang dengan sesuatu ajaran merupakan fitrah semula jadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini. Manusia memerlukan agama sebagai cara hidup, panduan atau undang-undang bagi

memandu kehidupan manusia. Agama juga adalah petunjuk ke jalan kebenaran dan mengajar manusia menilai sesuatu yang baik atau buruk bagi menyelamatkan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Konteks agama merupakan pengaruh dan unsur agama Islam yang terdapat dalam masyarakat Malaysia dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Agama Islam sebagaimana yang telah termaktub dalam perlembagaan negara merupakan agama rasmi negara Malaysia. Namun, pelbagai agama lain seperti Buddha, Hindu, dan Kristian juga diberi kebebasan untuk dianuti sebagai aspek yang sangat penting dalam usaha membekalkan unsur kerohanian yang seimbang dan harmonis kepada masyarakat dalam dunia moden yang semakin maju pada hari ini. Pengaruh dan unsur agama Islam wujud dalam masyarakat Melayu di Malaysia hasil daripada penyebaran agama Islam melalui pedagang-pedagang Arab yang datang berniaga ke Tanah Melayu. Para sejarawan bersepakat bahawa agama Islam telah sampai ke Tanah Melayu, walau bagaimanapun mereka mempunyai pendapat yang berbeza tentang tarikh sebenar kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Menurut kenyataan al-Attas (1969:11) bahawa ajaran Islam telah sampai ke kepulauan Melayu sejak kurun ke tujuh Masihi dan wujudnya masyarakat Islam dari negara Arab di Sumatera Timur pada tahun 55H bersamaan 673M.

Menurut Siti Rosnah Ahmad (2002:59-60) pada tahun 1409, Parameswara sebagai pemerintah Melaka memeterai satu perjanjian dengan Kerajaan Pasai di Sumatera Utara. Baginda telah memeluk Islam dan berkahwin dengan puteri Raja Pasai yang beragama Islam. Parameswara telah menukar nama baginda kepada Megat Iskandar Shah dan beliau merupakan pemerintah kerajaan Melayu Melaka pertama yang memeluk agama Islam. Pada abad ke-15, empayar Majapahit telah digantikan oleh kerajaan baru Islam.

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu merupakan penyumbang utama kepada perkembangan dan kemajuan bahasa Arab di Malaysia pada hari ini. Sejarah telah membuktikan kewujudan Islam di Tanah Melayu adalah melalui pedagang-pedagang Islam berbangsa Arab yang datang berdagang di Tanah Melayu. Kedatangan pedagang Arab bukan sahaja membawa bahasa Arab bersama mereka tetapi juga kitab suci al-Quran, kitab-kitab hadis, dan kitab-kitab ajaran Islam dalam bahasa Arab yang perlu difahami oleh masyarakat Melayu kerana ia menjadi sumber rujukan utama kepada umat Islam. Ini adalah kerana bahasa Arab merupakan bahasa rasmi kepada agama Islam dan kitab al-Quran yang merupakan perlembagaan kepada umat Islam diturunkan dalam bahasa Arab merangkumi aspek akidah dan ibadah. Allah SWT telah memilih nabi Muhammad SAW dari kalangan bangsa Arab (*Quraish*) dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi al-Quran sebagai mana firman Allah SWT dalam surah Yusuf, ayat 2 yang berbunyi:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

(Abdullah Basmeih, 1994:436)

Menurut Munif Zariruddin Fikri (2005:5-6), menyatakan bahawa berdasarkan kajian mengenai fungsi bahasa di Malaysia yang telah dijalankan oleh Richard B. Nos

(1984), Abdullah Hassan (1987), dan Asmah Haji Omar (1992) mendapati bahawa bahasa Arab adalah bahasa agama yang sangat dipengaruhi oleh domain agama. Ini bermakna bahasa Arab diperlukan sebagai bahasa dalam mengerjakan ibadah, seperti mendirikan solat, berdoa, berzikir, membaca al-Quran, memahami hadis, mengerjakan ibadah haji dan melaksanakan ibadah-ibadah lain.

Penyelidikan yang dijalankan terhadap pembelajaran wacana Arab dalam buku teks adalah bertujuan untuk memperlihatkan pengaruh konteks agama yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang merangkumi beberapa aspek berkaitan dengan agama Islam. Konteks agama dalam penyelidikan ini memfokuskan konsep “Kesyumulan Islam” yang dikemukakan oleh al-Qaradāwīy (1995) berdasarkan kepada prinsip akidah dan prinsip ibadah.

Amalan-amalan yang berbentuk keagamaan dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam merupakan unsur penting bagi melihat pengaruh konteks agama dalam teks pembelajaran wacana Arab. Penulisan buku teks bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran di sekolah turut menampilkan amalan yang berbentuk keagamaan. Amalan dalam konteks agama berdasarkan prinsip akidah yang biasa diamalkan dalam masyarakat Islam seperti, ucapan pujian ke hadrat Allah SWT sebagai tanda bersyukur atas nikmat atau atas sesuatu perkara yang dikurniakan, ucapan mengagungkan Allah SWT atas kekuasaan dan kebesarannya, dan unsur keimanan, kepercayaan serta keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT sebagai pentadbir dan penguasa sekalian alam.

Di samping itu, mengerjakan ibadah juga merupakan perintah Allah SWT dan amalan yang diterapkan dalam konteks agama. Penerapan unsur Islam dalam mengerjakan ibadah dapat diperhatikan melalui amalan bacaan doa, membaca ayat-ayat al-Quran, berzikir, dan mendirikan solat. Amalan agama Islam yang wujud dalam masyarakat Islam merupakan konteks ibadah yang dibawa oleh para pedagang Arab dengan menggunakan pengantar bahasa Arab.

Justeru, dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu, umat Islam mula mempelajari ilmu-ilmu asas dalam Islam merangkumi aspek ibadah, iaitu ilmu fardu ain dan fardu kifayah yang menjadi tuntutan kepada setiap individu yang menganut agama Islam. Ilmu-ilmu asas dalam Islam telah dibawa masuk ke Semenanjung Tanah Melayu melalui kitab-kitab yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab yang ditulis dengan menggunakan bahasa Arab. Kitab-kitab tersebut turut merangkumi istilah-istilah agama dan juga nama-nama Islam yang banyak memberi kesan kepada kehidupan dan sosial masyarakat Melayu di Malaysia.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bangsa Melayu dan agama Islam mempunyai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain. Perkara ini dibuktikan melalui pernyataan Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007:31), bahawa kesan dan pengaruh yang diterima oleh masyarakat Melayu setelah kemasukan agama Islam terutamanya dari aspek bahasa membuktikan wujudnya hubungan yang rapat antara mereka dengan bahasa Arab. Secara dasarnya dapat dirumuskan bahawa pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu telah memberi impak yang besar terhadap pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Kesan-kesan yang dibawa oleh ajaran Islam melalui aktiviti dakwah dan proses pengislaman juga mempengaruhi aspek

pembelajaran bahasa Arab. Justeru, Zainur Rijal dan Rosni Samah turut menyatakan bahawa:

Para sejarawan berpendapat bahawa proses ini berlaku secara beransur-ansur dan berterusan pada pelbagai tahap di pelbagai kawasan. Penerimaan Islam secara beransur-ansur ini bukan sahaja telah berjaya mengubah agama dan kepercayaan, malah boleh dikatakan berjaya mengubah aspek budaya yang lain dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu.

(Zainur Rijal dan Rosni Samah, 2007:34)

Berdasarkan penjelasan yang diberikan dapatlah disimpulkan bahawa sesuatu wacana yang dihasilkan tanpa penyertaan unsur konteks tempatan berkemungkinan tidak menepati maksud yang sebenar dan ditafsirkan mengikut kefahaman pendengar atau penerima dengan pelbagai tafsiran. Justeru, melalui penyertaan unsur konteks tempatan sesuatu wacana yang dihasilkan dapat difahami dengan mudah dan sesuatu komunikasi itu dapat disampaikan dengan lebih jelas dan tepat. Cook (1994:23-24) menjelaskan bahawa analisis wacana ialah mengkaji teks berdasarkan pengetahuan konteks atau persepsi pengguna bahasa yang berbeza terhadap sesuatu teks atau wacana. Justeru, konteks dan wacana merupakan dua elemen bahasa yang perlu dilihat secara bersama dalam kajian analisis wacana.

1.1.4 Kepentingan Konteks Tempatan dalam Pembelajaran Wacana Arab

Konteks tempatan merupakan salah satu komponen wacana yang amat penting dalam pembelajaran bahasa kerana ia mengaitkan aspek luaran teks yang mampu menjana pengalaman sedia ada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Kepentingan konteks tempatan dalam pembelajaran bahasa terserlah melalui kenyataan Tyler yang dipetik dalam Wan Muhammad dan Ab. Halim (2005:70), bahawa guru mesti memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan apa-apa yang ada pada pelajar itu. Pengalaman sedia ada pada pelajar harus dikaitkan agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan berkesan. Justeru, berdasarkan kepada kenyataan ini jelas menggambarkan bahawa antara unsur-unsur yang boleh dikaitkan sebagai pengalaman sedia ada pelajar adalah konteks tempatan yang mampu mempengaruhi proses pembelajaran bahasa. Konteks tempatan yang merangkumi aspek bahasa, budaya, agama, pengetahuan, pengalaman, pemikiran, serta amalan dan warisan masyarakat yang dilalui oleh pelajar dalam latar situasi kehidupan mereka seharian.

Pendekatan pembelajaran yang menggunakan unsur konteks tempatan mampu mengurangkan masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar, khususnya dalam mempelajari bahasa Arab. Ini adalah kerana berdasarkan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa mestilah dimulakan dengan perkara senang sebelum perkara susah, perkara umum sebelum perkara khusus dan perkara dekat dengan pelajar sebelum memulakan perkara yang jauh. Justeru, dengan langkah ini pelajar akan dapat memahami dan mengingati apa yang dipelajari dengan mudah dan senang. Menurut Wan Muhammad dan Ab. Halim (2005:73), teknik dan cara pengajaran yang baik dan berkesan ialah yang bersifat senang, mudah difahami dan mampu diikuti oleh kebanyakan pelajar. Bahan pembelajaran yang difahami biasanya mudah

untuk diingat, sebaliknya bahan yang kurang difahami atau tidak difahami biasanya sukar untuk diingat oleh pelajar. Justeru, Mustafa Fahmi menjelaskan bahawa:

Semua teori pengajaran mengakui bahawa pelajar lebih cepat mengingat bahan yang difahami berbanding dengan yang tidak difahami. Dalam hal ini seorang pelajar misalnya lebih mudah mengingat ayat pendek dalam bahasa ibunda berbanding ayat yang sama panjang dalam bahasa asing yang tidak difahami.

(dalam Wan Muhammad dan Ab. Halim, 2005:73)

Bagi Halliday beliau telah memperjuangkan teori wacana yang pelopori oleh Firth (1951) menyatakan bahawa sifat dan struktur bahasa mempunyai hubungan dengan fungsi bahasa dan fungsi itu ada kaitannya dengan kebudayaan dan alam bahasa itu sendiri. Oleh itu, struktur sesuatu bahasa mestilah mengambil kira penggunaan bahasa itu dalam sesebuah masyarakat.

Saidatul Nornis (2007:13), menjelaskan bahawa kemahiran berbahasa melibatkan dua aspek, iaitu aspek nahu dan aspek bukan nahu. Seseorang yang mempunyai kemahiran berbahasa bukan sahaja mahir menggunakan rumus-rumus tatabahasa tetapi tahu masa yang sesuai untuk menyatakan sesuatu pandangan mengikut konteks keperihalan keadaan. Kesesuaian dan ketepatan menggunakan bahasa berdasarkan konteks sebenar akan melahirkan bahasa yang boleh diterima oleh masyarakat. Berdasarkan kepada faktor inilah, maka pemahaman terhadap adat resam, pegangan, amalan, dan budaya masyarakat Melayu itu harus difahami terlebih dahulu sebelum apa-apa justifikasi dibuat terhadap sesuatu perlakuan.

Manakala Asmah Haji Omar (2004:163-164) menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang wujud dalam sesuatu bahasa, khususnya perkataan yang ada kandungan maknanya muncul berdasarkan proses pemaujudan. Proses pemaujudan ialah satu proses mewujudkan sebagai realiti sesuatu gejala yang ada dan manusia perlu menjadikan apa yang dilihat di sekelilingnya sebagai realiti. Pemaujudan muncul berdasarkan persepsi manusia terhadap alam sekitarnya dan juga berdasarkan persepsi terhadap kebiasaan yang sudah menjadi peraturan dalam kehidupannya.

Konteks tempatan mampu menimbulkan minat yang mendalam dalam jiwa pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Salah satu unsur konteks tempatan yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab ialah melalui cerita warisan budaya masyarakat Melayu. Menurut Wan Muhammad dan Ab. Halim:

Cerita tradisi rakyat yang sudah masyhur dalam kalangan masyarakat Melayu amat sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk memudahkan pengajaran bahasa Arab.

(Wan Muhammad dan Ab. Halim, 2005:69)

Hal ini demikian kerana cerita warisan merupakan pengetahuan sedia ada yang dikaitkan dengan unsur konteks tempatan serta sudah menjadi kebiasaan dan sehati dalam sanubari masyarakat Melayu. Di samping itu, kebanyakan cerita warisan ini merupakan kesinambungan budaya masa lalu dengan budaya masa kini yang merupakan karya warisan silam masyarakat Melayu. Menurut Hassan Shahatah (t.th:52), pendekatan pembelajaran berdasarkan cerita dapat membantu pelajar dalam

menguasai bahasa seperti, penguasaan kosa kata, merangsang minat pelajar membaca, meningkatkan penggunaan laras bahasa yang betul serta membantu pelajar dalam menguasai kemahiran berkomunikasi. Cerita juga merupakan salah satu pendekatan yang boleh menarik perhatian pelajar dalam mempelajari bahasa.

Berdasarkan kepada keterangan dan penjelasan yang diberikan dapatlah dirumuskan bahawa konteks tempatan mempunyai peranan yang amat penting terutama dalam pembelajaran wacana Arab. Ini adalah kerana unsur konteks tempatan dapat membantu seseorang memahami sesuatu bahasa dan penggunaannya secara praktikal yang dikaitkan dengan fitrah alam dalam situasi sebenar khususnya pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dalam konteks latar tempatan. Menurut Rumnasari K. Serigar (2009:24), konteks memainkan peranan dalam mengungkapkan makna sesebuah teks. Makna asal dalam teks merupakan hasil interaksi penutur bahasa dengan konteks. Teks diwujudkan dalam konteks tertentu dan tiada teks tanpa penyertaan konteks. Konteks yang dimaksudkan ialah konteks sosial, yang terdiri daripada tiga kategori, iaitu konteks situasi, konteks budaya, dan konteks ideologi.

1.2 Penyataan Masalah

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sudah tentu berbeza dengan pembelajaran bahasa Arab di negara Arab atau di negara bukan Arab selain daripada Malaysia. Konteks tempatan yang melatari pembelajaran bahasa Arab di Malaysia memberikan ciri-ciri dan kesan yang tersendiri terhadap pendekatan, kaedah, teknik, amalan serta proses pembelajaran bahasa. Pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran merangkumi beberapa faktor, seperti pengaruh situasi persekitaran masyarakat tempatan, bahasa ibunda, sosiobudaya, agama, adat resam, kebudayaan, dan status bahasa Arab sebagai bahasa asing serta matlamat pembelajaran bahasa tersebut. Kesemua faktor yang dinyatakan ini mempengaruhi dan membentuk konteks pembelajaran bahasa tersendiri yang berlatarkan konteks tempatan bagi mencapai matlamat dan objektif pembelajaran bahasa Arab.

Secara dasarnya, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah menggunakan kaedah tradisional dan pendekatan komunikatif. Menurut Zawawi Ismail dan Mohd Azhar Zailani (2005:18), kaedah tradisional mempunyai banyak kelemahan kerana ia hanya melahirkan pelajar yang mampu menghuraikan bahasa tetapi tidak mampu mengfungsikan bahasa dalam kehidupan seharian. Justeru, bahasa dianggap terpisah daripada kehidupan sebenar, sedangkan bahasa perlu dijadikan sebahagian daripada kehidupan dan budaya hidup manusia dan bukan disimpan sebagai catatan ilmiah. Manakala pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan kurikulum pendidikan adalah memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran asas berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Perkara ini jelas berdasarkan pernyataan matlamat pembinaan dan penggubalan Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Menengah seperti mana dalam Sukatan Pelajaran (*edisi semakan*), iaitu pengajian bahasa Arab di sekolah menengah bermatlamat untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran asas berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memberi tumpuan utama kepada kemahiran bertutur, menguasai kosa kata dan meningkatkan kepekaan pelajar menggunakannya dengan tepat dalam pembinaan ayat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar (KPM, 2002:4).

Berdasarkan kepada matlamat pembinaan kurikulum tersebut, aspek pembelajaran bahasa yang merangkumi pendekatan dan metodologi pembelajaran dengan mengaitkan unsur konteks tempatan, iaitu situasi latar persekitaran pelajar, perkaitan bahasa ibunda dengan bahasa Arab, unsur pengaruh agama, dan unsur pengaruh budaya masyarakat tempatan yang boleh dikaitkan sebagai pendekatan dalam pembelajaran bahasa Arab tidak dinyatakan. Mohd Zaki Abd Rahman (2009:179) menjelaskan bahawa sukatan pelajaran bahasa Arab yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan latar belakang para pelajar bukan Arab, di mana mereka tidak pernah tinggal di negara Arab dan mereka hanya mula mempelajari bahasa Arab setelah mencapai umur tertentu, iaitu bukan dari buaian.

Persoalan yang timbul dan sering dibincangkan oleh para pendidik bahasa Arab ialah tahap penguasaan pelajar Malaysia dalam bahasa Arab masih lemah, terutama dalam aspek gaya bahasa serta penguasaan teks dan wacana. Hakikat ini terbukti melalui pemerhatian terhadap proses pembelajaran, penyelidikan serta kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana bahasa Arab di Malaysia. Kenyataan ini bertepatan dengan apa yang disuarakan oleh Mat Taib Pa bahawa:

Penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu dirasakan amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang baik, kurikulum yang lebih mantap, dan guru yang lebih berkecayaan.

(Mat Taib Pa, 2006:1)

Kajian Nurhidayati mendapati bahawa antara kesukaran pelajar dalam mempelajari bahasa Arab ialah tidak dapat mengeluarkan idea utama dengan baik daripada kandungan teks, kesukaran memberi penilaian terhadap kandungan, sukar membuat kesimpulan terhadap teks yang dibaca, serta kesulitan menginterpretasikan wacana. Kesulitan ini berkait rapat dengan kemahiran linguistik pelajar, seperti keterbatasan penguasaan kosa kata (Underwood, 1989:16) dan ketidakmampuan untuk menghubungkan kata-kata dalam konteks (Tresnadewi, 1994:29). Manakala aspek bukan linguistik pula ialah merujuk kepada sikap dan motivasi pelajar terhadap teks dan bahan pembelajaran serta pendekatan pengajaran guru (Nurhidayati, 2004:74). Sehubungan itu, bagi memastikan pelajar dapat memahami teks dan menguasainya dengan baik, maka pendekatan pembelajaran berasaskan teks dan analisis wacana perlu dilaksanakan secara intensif dan komprehensif.

Samat Buang (1995:24), menjelaskan bahawa guru yang tidak memahami tentang sesuatu pendekatan pengajaran akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak menarik dan objektif pengajaran yang ditentukan sukar dicapai. Manakala Nik Mohd. Rahimi (1999), menyatakan tiada persekitaran pembelajaran bahasa Arab dan masalah berkaitan masyarakat tempatan penutur bahasa Arab, dan Jefridin Pilus (2002:47), menyatakan kekurangan pengetahuan berkenaan pendekatan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru menjadi punca masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Justeru, berdasarkan kenyataan ini, maka Ghazali Yusri *et al.* (2010:15) telah mencadangkan agar pendekatan pengajaran yang digunakan dalam proses pembelajaran perlu sesuai dengan latar belakang dan pengalaman pelajar. Perkara ini penting kerana pengalaman dan pengetahuan sedia ada pelajar dapat mempengaruhi pembentukan sikap dan sekaligus memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran kemahiran bahasa.

Dalam proses pembelajaran, perkaitan sesuatu bahasa itu dengan konteks situasi kehidupan persekitaran amat diperlukan. Perkara ini adalah sejajar dengan pernyataan Atan Long yang menyarankan agar:

Sedapat-dapatnya guru hendaklah mengadakan situasi yang sebenar dalam pengajaran dan murid hendaklah dibimbing untuk menyedari bahawa pembelajaran dan aktiviti-aktiviti di sekolah sebahagian daripada kehidupannya. Hal ini kerana ayat-ayat atau contoh-contoh yang mempunyai kaitan dengan kehidupan pelajar akan dapat membantu pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka.

(Atan Long, 1980:29)

Penyataan ini turut disokong oleh resolusi Nadwah Madrid tahun 1959, bahawa pembelajaran bahasa Arab mesti memberi perhatian kepada aspek-aspek praktikal dengan memilih isu semasa yang berlaku dalam situasi kehidupan pelajar. Perbincangan menggunakan bahasa Arab mestilah berkaitan dengan isu tersebut (Ahmad Kilani, 2001:18).

Sehubungan itu, Mahmud Kamil al-Naqah (1985:323), menyarankan agar pendekatan pembelajaran seharusnya berasaskan kepada konteks situasi dan persekitaran pelajar. Pembinaan pola-pola ayat dan kaedah pengajaran mestilah diajar melalui kedudukan situasi sebenar dan dalam konteks bahasa komunikasi. Pengadaptasian kaedah ini adalah untuk memastikan bahawa bahasa yang dipelajari mestilah diaplikasikan mengikut makna, tujuan komunikasi, dan perbuatan masyarakat sekeliling. Hal ini dapat disimpulkan bahawa penguasaan kemahiran berbahasa dapat dikuasai hasil daripada pemerhatian bahasa dan peniruan yang mereka lakukan dalam situasi-situasi yang sebenar.

Manakala sarjana linguistik Arab moden iaitu, Mahmud 'Akashah (2005:7) telah menyarankan agar kajian analisis wacana bahasa Arab perlu diperluaskan dengan usaha mengaitkan bahasa dengan aspek luaran yang merangkumi konteks situasi dan konteks budaya. Menurut beliau, kajian analisis wacana yang dibina berasaskan kepada unsur dalaman sahaja tanpa merujuk kepada unsur luaran yang terdapat dalam sesebuah wacana akan menyebabkan kajian tersebut kurang berkualiti. Ini adalah kerana sesebuah wacana yang dihasilkan bergantung kepada perkataan yang digunakan dalam situasi sebenar yang merujuk kepada penggunaan seharian.

'Abduh Rajhi (1973:78), pula menjelaskan bahawa bahasa menurut Ibnu Jinni sentiasa berkembang dan diperbaharui, beliau berpandangan bahawa Tuhan telah memberikan kebolehan dan keupayaan kepada manusia untuk menghasilkan dan mengembangkan bahasa dalam kehidupan masyarakat seharian. Justeru, menurut Idris Aman (2010:13) analisis wacana merupakan pengkajian terhadap penggunaan bahasa dalam kehidupan yang sebenar untuk pelbagai tujuan. Penjelasan yang sama turut dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2009:38), iaitu mengkaji tentang penggunaan bahasa yang betul-betul dalam konteks situasi seperti yang digunakan oleh masyarakat dalam apa jua corak kehidupan mereka seharian.

Konteks tempatan yang merangkumi unsur bahasa ibunda, budaya, dan agama adalah penting dalam pembelajaran bahasa kerana unsur ini terdapat dalam persekitaran kehidupan sesebuah masyarakat yang mempengaruhi pembelajaran bahasa. Hal ini demikian kerana bahasa berperanan membentuk budaya dan corak kehidupan dalam

sesebuah masyarakat. Malahan menurut Aisah Hasmam (2012:15) bahasa ibunda pelajar turut memberi kesan semasa proses pembelajaran bahasa kedua mereka.

Rosni Samah, (2012b:1-2), menyatakan bahawa terdapat permasalahan utama pembelajaran bahasa Arab yang perlu diberi perhatian, iaitu kelemahan pelajar dalam penguasaan kosa kata Arab. Faktor kelemahan ini akan memberi kesan negatif kepada pelajar dalam usaha menguasai bahasa Arab, baik dalam berkemahiran mahupun dalam pencapaian peperiksaan. Faktor kelemahan penguasaan kosa kata ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat memahami teks atau artikel yang dibaca, bahkan tidak mampu untuk membina ayat yang tepat apatah lagi membina karangan yang berkualiti. Selain itu, dari aspek kemahiran berkomunikasi pula, kelemahan penguasaan kosa kata menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dengan baik.

Terdapat banyak faktor yang mendorong ke arah ketidakupayaan pelajar menguasai kosa kata Arab dengan baik, antaranya kelesuan dan kegagalan guru dalam memilih pendekatan pengajaran yang tepat. Kesilapan memilih pendekatan dan metode pembelajaran yang tepat dan sesuai secara langsung juga menyebabkan kegagalan pelajar menguasai kosa kata dengan berkesan. Perkara ini turut disokong oleh Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah (2010:39) bahawa kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata Arab serta gaya bahasanya akan menyebabkan berlaku kesilapan dalam pertuturan dan penulisan mereka.

Ta'imah, Rushdi Ahmad (1989:194), membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pengajaran kosa kata dalam pembelajaran bahasa merupakan asas utama dan keperluan dalam mempelajari bahasa kedua. Menguasai kosa kata bermakna pelajar mampu menyebut perkataan dengan sebutan yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut kehendak ayat, mengetahui pola pecahan dan terbitannya serta mengetahui kaedah membina ayat lengkap. Perkara utama, ialah pelajar mampu memilih kosa kata yang tepat bagi makna yang diungkapkannya. Perkara yang penting ialah pelajar menguasai kosa kata utama yang sentiasa digunakan dan mereka mampu menggunakannya ketika menggambarkan sesuatu peristiwa atau situasi dalam konteks yang sebenar.

Menurut Nik Safiah Karim yang dipetik dalam Ahmad Arifin Sapar *et al.* (2013:48), menjelaskan bahawa pedagang Arab khususnya dari Yaman telah menyebarkan Islam ke Malaysia sehingga bahasa Arab menjadi begitu dekat di hati masyarakat Melayu dan sebahagian perkataan Arab telah dipinjam dalam bahasa Melayu sehingga menjadi sehati dengan kehidupan mereka. Kesebatian ini menjadikan mereka hampir tidak menyedari bahawa mereka sering mendengar dan menuturkan bahasa tersebut setiap hari. Manakala Norhazlina Husin (2008:603), menyatakan bahawa kekurangan perbendaharaan kata serta keperluan untuk mencipta atau mencari perkataan untuk objek dan konsep yang baru merupakan faktor lazim berlakunya peminjaman, bahkan beliau turut berpandangan bahawa meminjam lebih mudah daripada mencipta yang baru.

Penyelidikan ini cuba meneroka satu pendekatan pembelajaran wacana Arab dengan berasaskan kepada KPA dalam bahasa Melayu yang wujud dalam situasi konteks tempatan. Menurut Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah (2011:14) pelajar perlu diberi pendedahan yang cukup terhadap penggunaan perkataan pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dan penggunaannya dalam konteks bahasa Arab. Perhatian

yang serius perlu diberi kepada KPA yang telah mengalami perubahan dari segi makna dan juga sebutan di mana tenaga pengajar harus bijak memilih perkataan pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana, KPA dalam bahasa Melayu dilihat boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terhadap pelajar Melayu khususnya yang berkaitan memperkayakan kosa kata dan memberi kemudahan untuk memahami maksud ayat atau sesuatu ungkapan.

Perkara ini bertepatan dengan saranan Abd al-Raziq Hasan (1990), agar dimanfaatkan KPA yang terdapat dalam bahasa Melayu khususnya bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. KPA banyak membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab khasnya yang berkaitan dengan pengayaan kosa kata dan memberi kemudahan untuk memahami maksud kata atau ungkapan. Ini adalah kerana sebahagian perkataan Arab sudah sebatu digunakan oleh masyarakat Melayu, bahkan sarjana bahasa juga berpendapat bahawa KPA boleh membantu dalam proses pembelajaran bahasa (Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah (2010:33).

Bahasa dan budaya merupakan dua elemen yang saling berkait dan tidak dapat dipisahkan dalam pembelajaran bahasa. Mohd Sukki Othman (2005:87) menyatakan bahawa pengajaran bahasa tidak boleh dipisahkan daripada aspek budaya kerana bahasa itu tidak wujud tanpa adanya budaya. Malahan, Kamarul Shukri *et al.* (2009:3) turut menyatakan bahawa aspek budaya digunakan sebagai salah satu strategi pembelajaran bahasa yang kerap digunakan oleh pelajar. Menurut Mohd Rashid (2012:7), penggunaan bahasa berkait rapat dengan sistem budaya yang dianuti masyarakat serta sistem sosial masyarakat di tempat mereka tinggal. Malah, bahasa juga berkait rapat dengan interaksi pengguna, perlakuan, budaya, dan persekitaran.

Bahasa dan budaya ialah penyumbang utama kewujudan sesebuah ketamadunan dan kemajuan yang tinggi berdasarkan akal. Mohd Sukki Othman (2012:36), menyatakan bahawa bahasa berperanan dalam membentuk sesebuah masyarakat. Kewujudan dan keutuhan serta ciri-ciri istimewa masyarakat dapat dilihat melalui bahasa dan budaya mereka. Oleh itu, menurut Griffiths (2003), Macaro (2001), Mohamed Amin (1996) unsur-unsur yang terdapat di dalam etnik dan budaya mampu menjadikan sebahagian pelajar mengambil pendekatan pembelajaran yang aktif. Etnik dan budaya juga didapati merupakan salah satu pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi pemilihan dan penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Kamarul Shukri *et al.*, 2009:3).

Agama adalah satu sistem kehidupan yang khusus bagi menghubungkan antara manusia dengan penciptanya, iaitu Allah SWT yang terangkum di dalamnya aspek-aspek keimanan, kepercayaan, peribadatan, dan tatacara kehidupan. Menurut Mohd Zaki Abd Rahman (2009:180), agama Islam tidak boleh dipisahkan daripada bahasa Arab, malah kemajuan Islam itu sendiri bergantung kepada sejauh mana kemajuan bahasa Arab yang menjadi tonggak ilmu-ilmu Islam dan ajarannya. Manakala Kamarul Shukri *et al.* (2009:5), yang memetik kata-kata al-Baqillani (1972) bahawa hubungan kuat antara bahasa Arab dan agama ini tidak dapat dipisahkan dan dinafikan sehingga para sarjana linguistik silam dan semasa berpendapat bahawa sebesar-besar dan terpenting-peristiwa yang berlaku dalam hayat bahasa Arab itu adalah turunnya al-Quran dan lahirnya agama Islam.

Bahasa Arab merupakan “bahasa ibadah” dalam kalangan umat Islam. Kebanyakan ibadah seperti, solat, azan, membaca al-Quran, ucapan talbiah, takbir raya, rukun-rukun khutbah dan seumpamanya wajib dilakukan dalam bahasa Arab. Manakala dalam mengerjakan ibadah, seperti doa dan niat beribadat juga sunat dilakukan dalam bahasa Arab. Al-Qaradawi (1994:13), menjelaskan bahawa masyarakat Islam menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantara dalam melaksanakan ibadah, seperti dalam mengerjakan solat, berdoa, dan berwirid. Oleh yang demikian, bahasa Arab mempunyai perkaitan yang erat dengan rukun-rukun dalam agama Islam.

Pengaruh agama dan ibadah ke atas pembelajaran bahasa menjadi lebih kukuh apabila bahasa tersebut merupakan bahasa agama dan ibadah. Fakta ini diperkuatkan dengan perkembangan positif yang pernah dicapai oleh bahasa Latin sebagai bahasa tuhan masyarakat Greek, atau bahasa Sanskrit sebagai bahasa kitab Veda bagi penganut agama Hindu. Ketika itu, pembelajaran bahasa kitab suci adalah sama penting dengan pengamalan ajaran agama. Secara tidak langsung, agama dan ibadah mempengaruhi aktiviti pembelajaran bahasa tersebut. Senario ini semakin jelas kelihatan dalam bahasa Arab apabila perhubungan antara agama, bahasa Arab, dan budaya merupakan hubungan timbal balas yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain (Kamarul Shukri, 2009:4).

Hubungan antara agama, ibadah, dan bahasa telah melahirkan pelbagai pendekatan pembelajaran yang didorong oleh faktor keagamaan dan amalan ibadah yang berkait rapat dengan bahasa sasaran. Pendekatan pembelajaran yang berunsurkan ketauhidan dan pengakuan tentang “*Ilahiyah*” atau ketuhanan yang membolehkan pelajar memanipulasi pembelajaran bahasa secara berterusan melalui rangsangan, dorongan, dan amalan keagamaan (Kamarul Shukri, 2009:3). Oleh itu, Kaseh *et al.* (2010:71), menjelaskan bahawa pengaruh agama telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor motivasi yang sangat signifikan kepada pelajar Muslim dalam pembelajaran bahasa Arab yang dapat meningkatkan kefahaman.

Oleh hal yang demikian, pembelajaran bahasa Arab tidak boleh dipisahkan dengan budaya masyarakat Melayu Muslim yang menganut agama Islam. Masyarakat Islam telah terdedah kepada kepentingan bahasa Arab semenjak kecil lagi melalui amalan keagamaan, seperti mengaji al-Quran dan bersembahyang. Begitu juga dengan faktor persekitaran, mereka sudah terbiasa dengan bahasa Arab sama ada melalui media audio visual ataupun bertulis (Ghazali Yusri *et al.*, 2010:15 & 25). Menurut Dr. Muhammad ‘Aid bahawa pembelajaran al-Quran melalui bacaan dan hafazan merupakan perkara asas bagi penguasaan bahasa yang diperoleh pelajar bahasa Arab. Oleh yang demikian, aspek ini perlu diberi perhatian dalam mempelajari bahasa Arab (Abdul Rahman Hasan al-‘Arif, 2013:86).

Penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan konteks agama dijangkakan lebih terserlah serta menghasilkan peningkatan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia. Hal ini merujuk kepada keadaan semulajadi pembelajaran bahasa Arab dan keunikan tingkah laku pembelajaran bahasa tersebut di Malaysia. Situasi persekitaran hidup dalam kalangan masyarakat Islam, dikelilingi oleh syiar Islam, dan suasana peribadatan yang subur menjadikan para pelajar terdorong untuk menggunakan pendekatan pembelajaran bahasa Arab yang bercorak keagamaan.

Sejajar dengan kemajuan dan pembangunan penyelidikan bahasa dan linguistik, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu menggunakan pendekatan yang terkini dan efektif. Justeru, berdasarkan kepada pandangan para sarjana bahasa dan linguistik yang dibincangkan dapatlah dirumuskan bahawa penyelidikan terhadap pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran wacana Arab perlu diterokai dan dihuraikan bagi mengenal pasti unsur pengaruh konteks tempatan dalam teks pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk menjelaskan sejauh mana peranan pengaruh konteks tempatan yang terdiri daripada konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama dapat dikaitkan dengan pembelajaran bahasa Arab menerusi teks pembelajaran Arab dalam buku teks.

1.3 Persoalan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini akan menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

- i. Apakah unsur-unsur pengaruh konteks tempatan yang terdapat dalam teks pembelajaran wacana Arab?
- ii. Adakah pembinaan teks pembelajaran wacana Arab dalam buku teks mengambil kira unsur pengaruh konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama?
- iii. Sejauh manakah pengaruh konteks tempatan memainkan peranan dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah?

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dan mengenal pasti pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran wacana Arab yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab sekolah di Malaysia. Manakala secara khususnya kajian ini diharap dapat memenuhi objektif yang berikut:

- i. Mengetahui unsur pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran wacana Arab yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab.
- ii. Menganalisis unsur pengaruh konteks tempatan dalam teks pembelajaran wacana Arab berdasarkan konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama.
- iii. Menjelaskan pertalian antara pengaruh konteks tempatan dengan wacana Arab serta peranannya dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan perkembangan dan pembangunan penyelidikan dalam bidang bahasa Arab di Malaysia pada masa kini, kajian berkaitan pengaruh konteks tempatan dan analisis wacana Arab dalam pembelajaran adalah satu kajian yang sangat penting kerana ia merupakan bidang kajian yang masih baharu dan belum diterokai sepenuhnya oleh para sarjana. Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang diberi keutamaan dari segi peluang pembelajaran serta penggunaannya yang agak meluas dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia. Ini adalah kerana penggunaan bahasa Arab yang meliputi kosa kata dan istilah Arab dikaitkan dengan amalan kehidupan seharian masyarakat Islam seperti, aktiviti keagamaan, mengerjakan ibadah, urusan muamalat, sistem kewangan Islam, sambutan perayaan, akhlak dan pendidikan, serta sistem kehakiman syariah di Malaysia.

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah penting untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan unsur konteks tempatan yang terdapat dalam buku teks dan

menjelaskan pertalian antara konteks tempatan dengan pembelajaran wacana Arab bagi tujuan pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menjelaskan peranan unsur konteks tempatan dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab terhadap pelajar menerusi analisis teks yang di ambil daripada buku teks Bahasa Arab. Kepentingan konteks tempatan dalam analisis wacana adalah untuk memahami penggunaan bahasa yang sebenar bagi menghasilkan sebuah wacana benar-benar interaktif dan berfungsi. Justeru, sesuatu teks atau wacana yang dihasilkan tanpa merujuk kepada latar peristiwa bahasa yang berlaku akan menghasilkan sebuah wacana yang tempang dan tidak sempurna. Kepentingan konteks dalam analisis wacana ini dijelaskan oleh Raminah dan Rahim seperti berikut:

Memandangkan begitu pentingnya fungsi dan konteks di dalam bahasa maka menghuraikan bahasa secara ayat demi ayat dan kemudian mencipta rumus-rumus bagi ayat-ayat tersebut tanpa menghuraikan sebahagian besar peristiwa bahasa yang berlaku di sebalik ayat-ayat itu tidaklah lengkap.

(Raminah dan Rahim, 1985:218)

Berdasarkan kepada penjelasan dan keterangan yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang bahasa dan linguistik, dapatlah dinyatakan bahawa terdapat satu unsur yang amat penting dalam kajian analisis wacana, iaitu dikenali sebagai konteks situasi tempatan yang merupakan pelengkap kepada sesebuah wacana dalam kajian bahasa dan linguistik.

Penyelidikan ini juga mempunyai kepentingan untuk mengenal pasti pendekatan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan dalam usaha membantu meningkatkan prestasi pelajar Malaysia dalam menguasai pembelajaran bahasa Arab. Kepelbagaian teknik dan pendekatan dalam pembelajaran yang sesuai adalah penting bagi mencapai matlamat pembelajaran bahasa Arab seperti mana yang digariskan dalam kurikulum pendidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pendekatan pembelajaran berasaskan konteks tempatan diharapkan dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar seterusnya melahirkan individu yang mampu berkomunikasi dengan baik serta memahami konsep pembelajaran bahasa Arab berdasarkan konteks situasi tempatan.

Justeru, penemuan ilmiah daripada penyelidikan ini diharap dapat membantu mempertingkatkan kefahaman pelajar dan masyarakat Islam Malaysia dalam penguasaan bahasa Arab terutama dari aspek memahami makna perkataan dan penggunaan bahasa Arab dalam konteks situasi yang sebenar, seterusnya mampu menguasai bidang pengajian bahasa Arab dengan baik. Pandangan ini disandarkan kepada pendapat van Dijk dan Kintsch (1983:2) yang menjelaskan bahawa analisis wacana merupakan satu kajian bahasa secara semula jadi dalam konteks penggunaan bahasa yang sebenar dalam masyarakat melalui ungkapannya iaitu:

... language studies should not be restricted to the grammatical analysis of abstract or ideal language systems but rather, the actual language use in the social contexts should be the empirical object of linguistic theories.

(van Dijk dan Kintsch, 1983:2)

Hasil penyelidikan ini diharap boleh diguna pakai sebagai rujukan dan panduan kepada para guru dalam usaha mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar. Seterusnya, penyelidikan ini bermanfaat kepada pelajar sebagai satu pendekatan pembelajaran bahasa Arab berasaskan konteks tempatan yang mampu meningkatkan tahap penguasaan kosa kata, kemahiran bahasa, dan pembinaan ayat pelajar dalam bahasa Arab.

Penyelidikan ini juga mempunyai kepentingan dari aspek penggubalan dan pembinaan bahan pembelajaran bahasa Arab dengan mengambil kira unsur konteks situasi yang merangkumi situasi pembelajaran tempatan, kata pinjaman Arab, kata Melayu asli, unsur budaya, dan agama bertujuan untuk membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran yang boleh meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar. Begitu juga kepada para penyelidik bahasa Arab, penyelidikan ini diharap boleh dijadikan sebagai wadah kepada bakal penyelidik yang berminat untuk meneroka penyelidikan dalam bidang bahasa Arab khususnya berkaitan pembelajaran bahasa yang menggunakan pendekatan atau kaedah pembelajaran yang berasaskan kepada analisis wacana.

1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan merupakan satu kajian terhadap pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran wacana Arab di sekolah. Secara asasnya, penyelidikan ini akan menyentuh beberapa aspek yang merangkumi penyelidikan bahasa dan linguistik Arab, iaitu analisis wacana dan unsur pengaruh konteks tempatan. Buku Teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga (KBSM), terbitan Cerdik Publication Sdn. Bhd. (2010) yang ditulis oleh Irma Martini binti Mad Yasin, Khairil Anuar bin Salim, dan Wan Umi Suraya binti Wan Ismail menjadi sumber utama dalam penganalisan data. Penyelidikan yang dijalankan terhadap buku teks adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur konteks tempatan dalam wacana Arab menerusi teks pembelajaran yang membataskan kepada empat (4) aspek konteks tempatan, iaitu konteks situasi, konteks bahasa (Melayu), konteks budaya (Malaysia), dan konteks agama (kesyukuran Islam). Kesemua aspek ini merupakan asas kepada pembinaan sesebuah teks pembelajaran wacana Arab serta mempunyai unsur-unsur pengaruh terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah dalam situasi yang berlatarkan konteks tempatan.

Halliday menjelaskan bahawa fungsi tekstual ialah penggunaan bahasa dalam konteks situasi yang betul-betul wujud, benar-benar merupakan bahasa yang “hidup” dan bukannya contoh yang direka seperti yang terdapat dalam kamus dan buku-buku tatabahasa. Justeru, di sini dapat dilihat struktur tatabahasa dan intonasi sesuatu ayat terjalin dalam keadaan sambung-menyambung serta mempunyai perkaitan dalam bentuk teks dan berkait rapat dengan konteks penggunaannya (Raminah Sabran dan Rahim Syam, 1985:217).

Di samping itu, bahasa berperanan dalam mewujudkan dan mempertahankan hubungan sosial dan budaya masyarakat yang melaluinya timbul peranan orang yang terlibat dalam berinteraksi seperti, penyoal, penjawab, penyuruh, dan orang yang di suruh. Dalam aspek berkaitan konteks situasi, perbincangan adalah berkaitan dengan hubungan interaksi dalam sesebuah wacana yang meliputi tiga dimensi, iaitu Pelibat

Wacana (*tenor of discourse*), Medan Wacana (*field of discourse*), dan Sarana Wacana (*mode of discourse*). Berdasarkan penganalisisan data yang dijalankan, Jadual 1.1 di bawah memperlihatkan antara contoh aspek konteks situasi dalam teks pembelajaran wacana Arab.

Jadual 1.1: Aspek Konteks Situasi

Dimensi Konteks Situasi		
Medan Wacana (<i>Field</i>)	Pelibat Wacana (<i>Tenor</i>)	Sarana Wacana (<i>Mode</i>)
الإِمْتِحَانُ التَّقْيِيمُ الثَّانَوِي المُنَوَسِّطُ	الطَّلَبَةُ	النَّصُّ الْجَوَارُ
عَلَى أَبْوَابِ الإِمْتِحَانِ	الصَّدِيقَانِ	الرِّسَالَةُ
تَنْظِيفُ الفَصْلِ	الطَّلَبَةُ	النَّصُّ القِرَاءَةُ

Pengaruh Arab dapat dilihat pada negara yang dikuasai oleh Islam atau kuasa Islam. Kebanyakan istilah agama yang digunakan oleh masyarakat Muslim di seluruh dunia adalah hasil daripada pinjaman terus. Istilah sesuatu kosa kata yang dipinjam terus ini mempunyai kelebihan dan kepentingan yang tersendiri dalam proses pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dengan itu, melihat kepada konteks bahasa, penyelidik telah membataskan kepada dua aspek yang menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini, iaitu Kata Pinjaman Arab (KPA) dan Kata Melayu Asli (KMA). KPA telah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kata Arab Melayu (KAM) dan Kata Arab Kekal (KAK). Jadual 1.2 di bawah memperlihatkan antara contoh penganalisisan data dari aspek Kata Pinjaman Arab (KPA).

Jadual 1.2: Aspek Kata Pinjaman Arab

Kata Arab Melayu	Contoh
Khamis	الْخَمِيسُ
Asas	أَسَاسٌ
Maklumat	المَعْلُومَاتُ
Kata Arab Kekal	Contoh
Muzakarah	مُذَاكِرَةٌ
Istiqomah	الإِسْتِقَامَةُ
Mutawassitah	المُنَوَسِّطَةُ

(Sumber: BT BAT3, 2010)

Manakala KMA pula difokuskan kepada dua kategori, iaitu Kata Nama Am (KNA) dan Kata Nama Khas (KNK). Jadual 1.3 di bawah memperlihatkan antara contoh penganalisisan data dari aspek Kata Melayu Asli (KMA).

Jadual 1.3: Aspek Kata Melayu Asli

Kata Nama Khas	Contoh
Nama orang	كُومَارِي
Nama institusi	مَدْرَسَةُ بُوْكَيْتِ رَامِيَاي
Nama tempat	أَلُورِ سِتَار
Nama negeri	مَلَآك
Nama bangsa	مَلَآيُو
Nama gelaran	دَاتُوْءِ سُرِي
Kata Nama Am	Contoh

Nama nasi	ناسي داكغ
Nama kuih	فون تري مندي

(Sumber: BT BAT3, 2010)

Manakala aspek budaya pula merupakan keseluruhan cara hidup manusia yang merangkumi perlakuan masyarakat, dan cara berfikir masyarakat. Walaupun budaya setiap masyarakat berbeza dengan masyarakat yang lain, akan tetapi terdapat beberapa unsur yang mempunyai sedikit sebanyak titik persamaan, iaitu dari aspek bahasa, kebendaan, amalan agama, sistem kekeluargaan, sistem sosial, kepercayaan, adat resam, ekonomi, politik, dan nilai kesenian. Oleh itu, fokus utama penyelidik adalah berkaitan dengan budaya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada tiga kelompok bangsa utama, iaitu Melayu, Cina, dan India yang terdapat dalam masyarakat di Malaysia. Sehubungan itu, penyelidik telah menetapkan beberapa unsur budaya yang akan dianalisis dan dibincang dalam penyelidikan ini, iaitu merangkumi jenis makanan, sambutan perayaan, dan cerita warisan budaya masyarakat tempatan kerana budaya sangat erat hubungannya dalam sesebuah masyarakat. Di bawah adalah antara contoh penganalisan data dari aspek konteks budaya yang telah dikenal pasti dalam teks pembelajaran wacana Arab:

"الْمُجْتَمَعُ الْمَلَايُؤِيُّ مَشْهُورٌ بِكُتُوبَاتٍ وَرِنْدَغٍ وَسَاتِيٍّ وَغَيْرِهَا، فَتَجِدُهَا فِي الْحَفَلَاتِ الْمُخْتَلَفَةِ. وَأَمَّا الْمُجْتَمَعُ الصِّينِيُّ مَعْرُوفٌ بِكُوبِيَتَاوٍ وَمِي هَايْلِمٍ وَوَاتِنِنٍ. وَأَمَّا الْهُنُودُ لَهُمْ كَارِي السَّمَكِ وَالْعَنَمِ وَمَرُوكُو"

(BT BAT3, 2010:111)

Maksudnya: Masyarakat Melayu masyhur dengan ketupat, rendang, sate, dan sebagainya yang boleh didapati melalui pelbagai sambutan dan perayaan. Adapun masyarakat Cina terkenal dengan kue tiew, mi hailam, dan wantan. Manakala masyarakat India mereka pula terkenal dengan kari ikan, kari kambing, dan kuih maruku.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan Islam adalah sebagai agama rasmi negara, walau bagaimanapun masyarakat lain bebas beragama dengan kepercayaan masing-masing. Situasi ini memperlihatkan agama sebagai perkara paling asas yang sangat diperlukan oleh manusia sejagat. Keperluan terhadap beragama adalah mengatasi kepada keperluan dan kehendak yang lain. Agama menjadi payung yang menaungi budi, akal, dan daya manusia (Al-Attas, 2001). Oleh itu, dalam penyelidikan yang membincangkan aspek agama, penyelidik telah membataskan aspek konteks agama kepada dua, iaitu aspek akidah dan aspek ibadah. Dalam aspek akidah, penyelidik hanya membincangkan mengenai ketuhanan, kenabian, dan kemanusiaan, manakala dari aspek ibadah pula, penyelidik memperlihatkan dua jenis ibadah, iaitu dari segi ibadah wajib dan ibadah sunat. Kesemua aspek ini dianalisis daripada teks pembelajaran wacana Arab. Jadual 1.3 di bawah memperlihatkan antara contoh penganalisan data berkaitan dengan prinsip ibadah dalam konteks agama.

Jadual 1.4: Aspek Ibadah dalam Konteks Agama

Unsur Ibadah	Contoh
Bacaan doa	الدَّعَاءُ وَالتَّوَكُّلُ عَلَى اللَّهِ
Mengerjakan amal ibadah	لِلتَّهَجُّدِ وَالْعِبَادَةِ النَّافِلَةِ

Pemilihan buku teks Bahasa Arab KBSM Tingkatan Tiga dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kandungan teks yang terdapat dalam buku ini mengandungi unsur-unsur konteks tempatan yang terdiri daripada kosa kata pinjaman, kosa kata Melayu, budaya masyarakat Melayu, masyarakat majmuk, budaya Islam, dan unsur konteks agama yang mempunyai pertalian dengan aspek yang dikaji dalam penyelidikan ini. Teks pembelajaran yang terdapat dalam buku ini adalah sesuai dan munasabah bagi tujuan proses pembelajaran serta sesuai dengan peringkat usia kematangan pelajar kerana ia menggabungkan unsur bahasa Arab dengan unsur konteks tempatan merangkumi konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama yang mampu meningkatkan prestasi dan tahap penguasaan pelajar dari aspek penguasaan kosa kata, kefahaman makna, dan pembinaan struktur ayat yang lengkap dan betul.

Kandungan buku teks dan penggunaan pendekatan pembelajaran yang terkini dan efektif amat penting yang disepadukan dengan proses pembelajaran bahasa dalam usaha mamastikan tahap penguasaan pelajar dengan baik. Pendekatan pembelajaran yang dimaksudkan ialah berasaskan latar konteks tempatan merangkumi konteks pertuturan dan penulisan situasi yang sebenar dalam pembinaan ayat serta penggunaannya dalam konteks tempatan. Perkara ini jelas melalui pandangan 'Arif Karkhiy (1996:9) terhadap kepentingan konteks tempatan dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Malaysia dan keperluan terhadap situasi dan konteks pembelajaran bahasa, adat resam dan kebudayaan serta sosiobudaya masyarakat tempatan yang melatari pembelajaran bahasa Arab dalam konteks negara Malaysia.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pengaruh

Pengaruh yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah unsur-unsur yang berperanan mempengaruhi proses pembelajaran dan merubah tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah. Perkataan "pengaruh" merujuk kepada Kamus Dewan membawa maksud kuasa (2005:1172), iaitu yang memainkan peranan dan menyebabkan sesuatu perkara terjadi atau mengubah sesuatu yang sedia ada. Dalam konteks pembelajaran bahasa, aspek pengaruh memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar. Aspek pengaruh adalah unsur-unsur yang terdapat dalam teks pembelajaran wacana Arab merangkumi lingkungan persekitaran kehidupan, amalan kehidupan seharian, dan situasi pembelajaran pelajar yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa dinamakan sebagai pengaruh konteks tempatan.

1.7.2 Konteks Tempatan

Konteks tempatan merupakan unsur-unsur dalam lingkungan persekitaran yang terdapat dalam situasi kehidupan seharian, amalan keagamaan, bahasa ibunda, dan budaya sesebuah masyarakat yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa. Dalam penyelidikan ini, konteks tempatan yang dimaksudkan adalah terdiri daripada empat kategori yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab, iaitu:

1.7.2.1 Konteks Situasi

Konteks situasi dalam bahasa Arab dinamakan sebagai (سياق الموقف) oleh Ahmad Mukhtār ‘Umar (1982:69). Dalam kajian ini, konteks situasi adalah merujuk kepada persekitaran Malaysia yang melibatkan aspek lokasi, peristiwa, medan wacana, pelibat wacana, dan sarana wacana. Konteks situasi merupakan satu unsur penting dalam analisis wacana bagi memastikan ketepatan makna sesebuah teks atau ujaran yang dihasilkan. Perkara ini dibuktikan oleh Ab. Razak Karim (1998:9) bahawa: “Konteks amat penting untuk menentukan sesuatu makna ujaran dan apabila konteks berubah, makna juga turut berubah”. Menurut Halliday, konteks situasi dari dimensi semiotik diatipik adalah terdiri daripada bahasa dalam konteks penggunaan atau sebagai cara penyampaian. Bahasa dilihat daripada pandangan semantik dan direalisasikan melalui leksikogramatika yang mengandungi kategori konseptual, iaitu medan wacana, pelibat wacana, dan sarana wacana (Sinar, T.S. 2008:54). Konteks situasi dalam kajian ini difokuskan kepada dimensi yang berkaitan hubungan antara individu yang berinteraksi disebut sebagai Pelibat Wacana; melibatkan aktiviti sosial dinamakan Medan Wacana; dan berkaitan dengan peranan serta fungsi bahasa yang dikenali sebagai Sarana Wacana.

1.7.2.2 Konteks Bahasa

Konteks bahasa dalam bahasa Arab dinamakan sebagai (السياق اللغوي) oleh Ahmad Mukhtār ‘Umar (1982:69). Dalam kajian ini, konteks bahasa merujuk kepada unsur bahasa Melayu atau bahasa ibunda dalam konteks persekitaran dan penggunaan di Malaysia yang mempengaruhi pembelajaran wacana Arab. Penggunaan bahasa Melayu dalam kandungan pembelajaran wacana Arab adalah terdiri daripada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dan penggunaan bahasa Melayu asli dalam teks pembelajaran. Bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab yang merangkumi pelbagai penggunaan. Menurut Wan Salsa Billa (2008:44), pinjaman perkataan Arab dalam bahasa Melayu adalah melibatkan pelbagai kategori, antaranya ialah nama tempat, nama orang, istilah keagamaan, keilmuan, ibadah, dan kemasyarakatan yang secara tidak langsung mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Konteks bahasa merupakan salah satu aspek penting kerana bahasa menyumbang kepada pengkayaan perbendaharaan kata dan ciri-ciri keilmuan sesuatu bahasa.

1.7.2.3 Konteks Budaya

Konteks budaya dalam bahasa Arab dinamakan sebagai (السياق الثقافي) oleh Ahmad Mukhtār ‘Umar (1982:69). Dalam kajian ini, konteks budaya merupakan unsur budaya masyarakat Malaysia dalam konteks masyarakat majmuk yang merangkumi aspek makanan dan perayaan yang menjadi amalan tiga bangsa terbesar di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Konteks budaya juga turut merangkumi budaya Islam yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Unsur-unsur budaya Malaysia dan budaya Islam ini diterapkan dalam isi kandungan pembelajaran wacana melalui pembinaan teks pembelajaran yang berperanan mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah.

1.7.2.4 Konteks Agama

Konteks agama dalam bahasa Arab dinamakan sebagai (السياق الديني) yang merujuk kepada aspek akidah dan ibadah yang terdapat dalam kandungan pembelajaran wacana Arab. Dalam kajian ini, konteks agama adalah merujuk kepada aspek akidah yang merangkumi unsur ketuhanan, kenabian dan kemanusiaan yang diterapkan dalam teks pembelajaran. Manakala aspek ibadah pula terdiri daripada ibadah wajib dan ibadah sunat yang menjadi amalan masyarakat Islam dalam kehidupan seharian. Kesemua aspek ini mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran bahasa Arab pelajar kerana mempunyai unsur-unsur yang dikaitkan dengan situasi konteks tempatan.

1.7.3 Teks Pembelajaran Arab

Teks pembelajaran wacana Arab adalah merujuk kepada teks pembelajaran yang diambil daripada buku teks bahasa Arab KBSM tingkatan tiga. Teks yang dipilih adalah sebanyak 20 teks yang terdiri daripada teks bacaan intessif dan teks bacaan luas. Buku teks merupakan bahan utama yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Kandungan pembelajaran dalam buku teks dibina berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang mengutamakan unsur-unsur pengaruh tempatan dan pendekatan pembelajaran yang berlatarkan konteks situasi tempatan. Wacana dan teks mempunyai batasan yang membezakan antara satu sama lain. Dalam perkara ini Kress (1985, p.27) telah menjelaskan batasan bahawa wacana adalah kategori yang termasuk di dalam atau timbul daripada domain sosial, manakala teks adalah suatu kategori yang termasuk ke dalam atau timbul daripada domain linguistik.

Teks pembelajaran Arab ini mengandungi hal-hal yang berorientasi kepada fenomena sosial dalam teks pembelajaran yang melibatkan konteks situasi, bahasa, budaya, dan agama yang merupakan aspek kajian analisis wacana. Menurut Sinar, T.S. (2008:8), pakar-pakar Linguistik Fungsional Sistemik antaranya Kress, Halliday, dan Stillar menjelaskan bahawa wacana adalah lingkungan sosial yang bergerak secara aktif dan mampu melakukan sesuatu dalam konteks nyata yang menentukan kehidupan sosial. Teks pembelajaran Arab ini mempunyai perkaitan yang erat dengan konteks situasi, konteks budaya, dan konteks ideologi, bahkan Tou (1992) dan Sinar, T.S. (2002), mereka telah memasukkan unsur konteks “*dien*” iaitu yang merujuk kepada unsur agama di dalam analisis wacana (Sinar, T.S., 2008:8).

1.7.4 Analisis Wacana

Analisis wacana dalam penyelidikan ini memfokuskan kepada wacana pembelajaran Arab yang melibatkan unsur konteks tempatan dan peranan unsur dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sekolah. Analisis wacana merupakan satu pendekatan bagi menyelidik penggunaan bahasa secara lisan atau tulisan dalam komunikasi sosial yang dikaitkan dengan fenomena kehidupan manusia. Analisis wacana mempunyai pengertian yang lebih luas merangkumi penggunaan bahasa yang sebenar dalam konteks kehidupan masyarakat. Menurut Fairclough (1989), bahawa antara tujuan analisis wacana ialah:

- i. untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa;
- ii. untuk melihat hubungan bahasa dengan masyarakat serta budaya; dan
- iii. untuk mengkaji komunikasi antara manusia sesama manusia dan untuk melihat bagaimana bahasa digunakan dalam mewujudkan kuasa atau ideologi.

Para sarjana bahasa telah memberikan pelbagai definisi berkaitan analisis wacana. Menurut Tannen (1989) analisis wacana ialah kajian tentang bahasa, tetapi bukan sahaja kajian tentang bahasa sebagaimana pendekatan kajian bahasa lain. Sebaliknya, analisis wacana memanfaatkan bahasa yang benar-benar digunakan dan menyelidiki untuk apa bahasa itu digunakan. Menurut Asmah Haji Omar (2009:38) dan Idris Aman (2010:13), analisis wacana merupakan pengkajian terhadap penggunaan bahasa yang betul-betul digunakan oleh manusia dalam kehidupan sebenar untuk pelbagai tujuan kehidupan mereka seharian. Justeru, Idris Aman (2010:13) menjelaskan analisis wacana bukan hanya menganalisis sistem bahasa malah turut menghuraikan “mengapa” sesuatu bahasa digunakan sedemikian yang merujuk kepada penghuraian aspek kosa kata, frasa, ayat dan struktur teks atau wacana.

1.8 Kesimpulan

Secara umumnya, bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan mengandungi perkara yang berkaitan dengan hala tuju serta aspek kajian yang akan dijalankan. Perkara-perkara asas yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional telah dijelaskan secara terperinci dengan mengemukakan pandangan daripada para sarjana dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan. Bab seterusnya akan membicarakan tentang sorotan kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu, unsur pengaruh konteks tempatan dan pertalian konteks tempatan dalam pembelajaran bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1983). Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan di Malaysia. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Kebudayaan Nasional. No. 1982*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- A. Aziz Deraman. (2000). *Tamadun dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A *Brief Introduction to the Work of M.A.K. Halliday and Systemic-Functional Linguistics*. (2001). The Pennsylvania State University. Laman web: <http://language.la.psu.edu/spcom497b>.
- Ab. Halim Mohamad dan Che Radiah Mezah. (2007). Kolokasi: Aspek Penting dalam Penguasaan Bahasa Arab: Satu Kajian di Kalangan Pelajar IPTA. *Monograf Pengajaran dan Pembelajaran IPTA*. Bil.5 (hlm.139-148). Serdang: Pusat Pembangunan Akademik (CADE) Universiti Putra Malaysia.
- Ab. Halim Mohamad dan Wan Muhammad Wan Sulong. (2004). *Kepentingan Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu dan Teknik Penggunaannya dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Proceedings of the International Education Conference (EDUCATE 2004), 23-24 Ogos 2004, (hlm. 324-334). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ab. Razak Ab. Karim. (1998). *Warkah-warkah Melayu Lama Sebagai Satu Genre*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Abd al-Rāziq Hasan Muhammad. (1990). *Al -Alfaz al-Maliziyyah al-Muqtaradhah min al-Lughah al-Arabiyyah wa Kayfiyyah al-Istifadah minha fi Barnamij Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah fi Maliziya*. Kertas Kerja Seminar Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Anjuran UIA pada 25-28 Ogos 1990.
- Abd al-Rāziq Hasan Muhammad. (1996). *Dirāsah Taqābulīyah baina al-‘Arabīyyah wa al-Malāyūwīyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi.
- Abduh Al-Rajhī. (1973). *Fiqh al-Lughah fi al-Kutub al-‘Arabīyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyyah.
- Abdul Rahman Chik (2006). *Dirāsah Ihṣāiyyah ‘an al-Alfāz al-‘Arabīyyah al-Muqtaraḍah fi al-Lughah al-Mālīzīyyah*. *Majalah WATA*. Bil. 3, Tahun 1.
- Abdul Rahman Chik. (2006). *Al-Alfāz Al-‘Arabīyyah Al-Muqtaraḍah fi Al-Lughah Al-Malāyūwīyyah: Dirāsah Tahlīlīyah*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab: *Al-Lughah Al-‘Arabīyyah Ilā Aina*. 24 – 25 April 2006. Anjuran Jāmīah al-Janān, Ṭarāblus, Lubnān.
- Abdul Rahmān Hassan al-‘Ārif. (2013). *Athr Hifzu al-Qurān ‘ala T‘allumi al-‘Arabīyyah wa T‘alīmihā lighair al-‘Arab*. *Majalah T‘alīm al-Lughah al-‘Arabīyyah AfāqMustaqbalīyyah*, (hlm. 83-91). Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.

- Abdul Rahman Rukaini. 2001. *Tauhid Benteng Penyelamat Ummah*. Kajang, Selangor: Sinergymate Sdn. Bhd.
- Abdullah Basmeih. (1994). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Malaysia. Edisi ke-6*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (1987). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Cetakan ketiga. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, dan Mohd Zulkifli Ismail. (2010). Kata Serapan Arab Tanpa Huruf Vokal dalam Ejaan Jawi. Dlm. Mohd Azidan Abdul Jabar, et al. *My Language Your Language* (hlm. 11-23). Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Adisaputra, Abdurahman (2008). Linguistik Fungsional Sistemik: Analisis Teks Materi Pembelajaran di Sekolah Dasar. *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra*. Vol. IV, No.1: hlm. 12-21.
- Ahmad Arifin Sapar, Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Hj. Husin, dan Mat Taib Pa. (2013). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kata Pinjaman Bahasa Arab Berasaskan Pengetahuan Sedia Ada. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 1: hlm. 48-59
- Ahmad Fikri bin Hj. Husin. (1993). Al-Ta'bir Shafawī wa Ahamiyatuhu Lidarisiy al-Lughati Al-'Arabiyyah. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 3, hlm. 82-89. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mādas. (2007). *Lisāniyyāt al-Naṣ: Naḥwu Manhaj li Taḥlil al-Khiṭab al-Shi'ri*. Irbid: 'Ālām al-Kutub al-Hadith.
- Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman. (2001). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Ahmad Mukhtār 'Umar. (1982). *Ilmu Al-Dilālah*. Kuwait: Maktabah Dār Al-'Urūbah li Al-Nashar wa Al-Tauzi'.

- Ahmad Qasim Kassar. (2013). *Mulāḥazot ‘ala Zāhiratu al-Iqtirād al-Lughawīy min al-‘Arabīyyah fī al-Lughah al-Malāyūwīyyah: Majalah Al-Dad*. Kuala Lumpur: Jabatan Bahasa Arab dan Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisah Hasmam. (2012). *Pengalaman Guru Bahasa Arab Menggunakan Teks yang Berbeza Jenis dalam Pengajaran Kemahiran Mendengar Peringkat Permulaan*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12). Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (15-33).
- Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) & Peraturan-peraturan Terpilih* (1998). Kuala Lumpur: Internasional Law Book Services.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay - Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin. (2012). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12), (hlm. 278-285). Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Nāqah, Mahmud Kāmil. (1985) . *Ta’līm al-lughah al-‘Arabīyyah li al-Nāḡiqina bi Lughat Ukhra: Ususuḥu-Madākhiluhu-ṬuruqTadrīsuhu*, Saudi Arabia: Jami‘ah Ummu al-Qura.
- Al-Qaraḏāwīy, Yūsūf. (1994). *Al-Thaqāfah al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah baina al-Aṣālah wa al-Mu‘asirah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaraḏāwīy, Yūsūf. (1995). *Madkhal li Ma`rifah al-Islām: Muqawwimātuhu, Khaṣāiṣuhu, Ahdāfuhu, Maṣādiruhu* Maktabah Al-Muṣṭafā Al-Elektroniah: <http://www.al-mostafa.com>
- Al-Qaraḏāwīy, Yūsuf. (1996). *Wawasan Islam antara Keaslian dan Kemodenan*. (Terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi daripada Al-Thaqāfat al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah bayna al-Aṣālah wa al-Mu‘asirah). Batu Caves: Thinker’s Library Sdn. Bhd.
- Al-Qaraḏāwīy, Yūsūf (2006). *Inkar Fikrah Syumul al-Islam*. Laman web al-Qaraḏāwīy: <http://qardawi.net>.

- Al-Rāzi, Muhammad bin Abū Bakar bin ‘Abdul Qādir. (1986). *Mukhtār al-Ṣihāh*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Sakkākī, Abū Ya‘qūb Yūsuf. (1937). *Miftah al-‘Ulum*. Kaherah: Muṣṭafa al-Babīy.
- Anang Santoso. (2008). Jejak Halliday dalam Lingistik Kritis dan Analisis Wacana Kritis. *Jurnal Bahasa dan Seni*. Tahun 36, No.1. Malang: Fakultas Sastra Universitas Negeri Malang.
- Anzaruddin Ahmad. (2006). *Peranan Persekitaran Psiko-Sosial Dalam Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak Melayu Pra-Sekolah: Kajian Kes Berdasarkan Perspektif Mazhab Behaviorisme*. Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-2. Jilid. 2. Serdang: Penerbit UPM.
- ‘Āli ‘Abdul Waḥid Wāfī. (2000). *Fiqh al-Lughah*. Cetakan Kedua. Kaherah: Nahḍah Miṣr li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tauzī’.
- ‘Ārif Karkhī Abū Khuḍairī. (1993). *Al-Taqnīyyāh al-Hadīthah fi T’alīm al-Lughah al-‘Arabīyyah li Ghair al-‘Arab*. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 3, Tahun 3. Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- ‘Ārif Karkhī Abū Khuḍairī. (1996). Tariqatu T’alim al-Lughat al-‘Arabīyyat lil Malayuwiyyin. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 5, Tahun 6. Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Pertama). *Jurnal Dewan Bahasa* 24 (3), (hlm. 11-25). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1983). *Perkembangan Bahasa Melayu dan Falsafah Pembinaannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu ‘Aqāid al-Nasāfiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2011). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1980). *Pedagogi kaedah Am mengajar*. Selangor: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan (Penyusun). (2002). *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, G. dan Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Buhairi, Said Hassan. (2003). *'Ilmu Lughah al-Naṣ:Al-Mafāhim wa al-Ittijāhāt*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Chumdari (2008). Pengaruh Penggunaan Lingkungan Sebagai Sumber Belajar dan pembelajaran Konvensional Terhadap Prestasi Belajar Kewirausahaan Ditinjau dari Minat Berwirausaha Pada Mahasiswa PGSD FKIP UNS Surakarta Tahun 2007. *Varia Pendidikan, vol. 20, No.1*. Surakarta: Universitas Sebelas Maret.
- Cook, Guy. (1994). *The Discourse of Advertising*. London and New York: Routledge.
- Csizer, K., & Dornyei, Z. (2005). Language learners' motivational profiles and their motivated learning behavior. *Language Learning, 55(4)*: hlm. 613-659.
- Deese, James. (1984). *Thought into Speech: The Psychology of a language*. Eaglewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2006). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eriyanto (2001). *Analisis Wacana: Pengantar Analisis Teks Media - Teun A. Van Dijk*. Cetakan Pertama. Yogyakarta: LKiS.

- Fairclough, Norman. (1989). *Language and Power*. London and New York: Longman.
- Fairclough, Norman. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge
- Fatimah Djajjasudarma, T. (2006). *Wacana: Pemahaman dan Hubungan Antarunsur*. Cetakan kedua. Bandung: PT Refika Aditama.
- Firth, J.R. (1957). Modes of Meaning. *Papers in Linguistics (1934-1951)*, hlm.190-215. Oxford: Oxford University Press.
- Gee, J.P. (1999). *An Introduction to Discourse Analysis.*, London: Routledge.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Gema Online Journal of Language Studies*, 10 (3): hlm. 15-33.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah, dan Ahmed Thalal Hassan (2012). Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27: hlm. 37–50.
- Goh Sang Seong. (2012). *Bahasa Cina Bahasa Melayu: Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Griffiths, C. (2003). *Language learning strategy use and proficiency: The relationship between patterns of reported language learning strategy (LLS) use by speakers of other languages (SOL) and proficiency with implications for the teaching/learning situation*. Tesis Ph.D. University of Auckland.
- Halliday, M.A.K. (1978). *Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning*. Eighth Impression 1993. New York: Routledge, Chapman, and Hall, Inc.
- Halliday, M.A.K. (1985). *Spoken and Written Language*. Oxford: Oxford University Press.
- Halliday, M.A.K. & Hasan, Ruqaiya (1976). *Cohesion in English*. London: Longman Group Limited.
- Halliday, M.A.K. & Hasan, Ruqaiya (1985). *Language, Context, and Text: Aspects of Language in Social- Semiotic Perspective*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Harimurti Kridalaksana. (1978). Keutuhan Wacana. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: hlm. 507-517.
- Harimurti Kridalaksana. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hasan Al-Banna. (2012). *Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Hassan Syahatat. (t.th). *T'alim al-Lughah al-'Arabiyyah baina al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq*. Beirut: Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah.
- Ḥussām, Aḥmad Faraj. (2007). *Nazariyyah 'Ilmu al-Naṣ*. Kaherah: Maktabah al-Adab.
- Hymes, D. (1972). Models of The Interaction of Language and Social and Social Life, in J.J. Gumperz and D. Hymes (eds), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart & Winston: hlm. 35-71.
- Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman. (t.th.). *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibnu Saidah Mursī Al-Andalusī. (1321H). *Al-Mukhāṣṣās*. Jilid 13. Mesir: Maṭba'ah Al-Amīriyāh
- Ibnu Taimīyyah, Taqīy al-Dīn Ahmad bin Abd al-Ḥalīm. (1979). *Iqtida' al-Siraṭ al-Mustaqīm*. Suntingan al-Fiqi, Muḥammad Ḥamad. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah.
- Ibrahim 'Abud Al-Sāmīrā'ī. (2007). *Fī al-Lahajāt al-'Arabiyyah*. Amman: Dār al-Masīrah li al-Ṭiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Ibrahim Anis. (2003). *Fī al-Lahajāt al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah.
- Ibtisam Abdullah, Zaharani Ahmad, Imran Ho Abdulah, Zamri Ahmad, dan Ahmad Thalal Hassan. (2013). *Perantauan Bangsa Arab Ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu*. Laman web <http://umkeprints.umk.edu.my/996/1/paper>
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irma Martini Mad Yasin dan rakan (2010). *Al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Sanah al-Thalithah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Ismail bin Dahaman dan Manshoor bin Ahmad. (2005). *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1966). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Izzah Shbl Muḥammad. (2007). *'Ilmu Lughah al-Naṣ, al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq*. Kaherah: Maktabah al-Ādāb.

- Jasem, Ali Jasem. (1996). Kaedah Pengajaran Tatabahasa Untuk Penutur Bukan Arab. *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 5, Tahun 6. Bahagian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jefridin Pilus. (2002). *Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Di SMAP Labu*. Projek Penyelidikan Pendidikan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joko Sutarso dan Bambang Murtiyoso (2007). *Model Pembelajaran Pendidikan Budi-Pekerti Berbasis Budaya Lokal: Kasus Wayang Purwa*. Laporan Penelitian Bidang Ilmu Kependidikan. Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Junaiyah H.M., E. Zaenal Arifin. (2010). *Keutuhan Wacana*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo, anggota Ikapi.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohd Amin Embi, Nik Mohd Rahimi, & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *Gema Online Journal of Language Studies*, 9 (2): hlm. 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohd Shahrizal Nasir. (2012). *Pengaruh Agama Islam Terhadap Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Satu Sorotan Awal*. Persidangan Kebangsaan Agama dan Masyarakat. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Kaseh Abu Bakar, Nik Farakh Sulaiman, & Zeti Akhtar Muhammad Rafeai. (2010). Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis. *Gema Online Journal of Language Studies*, 10 (1): 71-76.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2002). *Manual Kursus Pendedahan Kurikulum Semakan Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007). *Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM.
- Khairul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Khathijah Abdul Hamid. (1996). Wacana dalam Teks Penulisan: Satu Tinjauan Tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheren. *Jurnal Dewan Bahasa*. 40 (10). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kramsch, Claire. (1993). *Context and culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.

- Kramsch, Claire. (2009). *Language and Culture*. London: Oxford University Press.
- Kress, G. (1985). *Ideological Structures in Discourse*, dalam van Dijk, T.A. [ed], *Handbook of Discourse Analysis*, Vol. 4, (hlm. 27-42). London: Academic Press Inc. Ltd.
- Kress, Gunther. (2001). *Sociolinguistics and Social Semiotics*, dlm. Paul Cobley (ed.): hlm. 66-82.
- Macaro, E. (2001). *Learning strategies in foreign and second language classrooms*. London and New York:
- Maḥmūd ‘Akāshah. (2005). *Lughah al-Khitāb al-Siyāsiy*. Kaherah: Dār al-Nashr al-Jāmi’āt.
- Maḥmūd Ahmad Naḥlah. (2001). *‘Ilmu Al-Lughah Al-Nizāmī: Madkhal ila Al-Nazāriah Al-Lughawiyah ‘Inda Halliday*. Iskandariah: Kuliyyatu Al-Ādāb, Jāmi ‘ah Iskandariah.
- Maḥmūd Ahmad Naḥlah. (2002). *Āfāq Jadīdah fi al-Baht al-Lughawiy al-Mu‘asir*. Kaherah: Dar al-Ma‘rifah.
- Maḥmūd Fahmi Hijazi. (t.t). *Al-Usus al-Lughawiyah li ‘Ilmi al-Muṣṭalaḥ*. Al-Najālah: Dar Gharīb li al-Ṭiba’ah wa al-Nash.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Pertimbangan Kritis dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif*. Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Dlm. Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa [ed], hlm. 1-14. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mat Taib Pa. (2008). *Isu-isu Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di IPT*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di IPT Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McCarthy, M. (1991). *Discourse Analysis for Language Teacher*. New York: Cambridge University Press.
- Md. Nor Hj. Ab. Ghani *et al.* (2005). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miftah Auluyidiy Abdul Rahman (2007). *Athar Al-Lughat wa Al-Thaqafat ‘ala Al-Khiṭabah Al-‘Arabiyyah lada ‘Ulama’ Al-Yoruba fi Diyar Nigeria*. Ishāmāt Al-Lughah wa Al-Ādāb fi Al-Bina’ Al-Ḥaḍari li Al-Ummah Al-Islāmiyyah. Jilid. 3, (hlm. 207-215). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Moeliono, Anton. (1988). *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Leeds.
- Mohamad Rushdan Azizan. (2012). *Manifestasi Perjuangan Dalam Pidato Yasser Arafat Dari Sudut Analisis Wacana Kritis*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Zaini Yahya (2012). *Fleksibiliti Islam: Prinsip, Aqidah, Keutamaan, Sumber*. Terjemahan al-Madkhal li Ma`rifah al-Islām, Yusof al-Qaraḍāwī. Cetakan Pertama. Bandar Baru Bangi, Selangor: Syabab Book Link.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2003). *Kohesi Wacana Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Novel Al-Sahab Al-Ahmar*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2011). *Analisis Wacana Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashid Md. Idris. (2012). Teori Falsafah Bahasa Asas kesempurnaan Berbahasa. *Jurnal Bahasa*. Bil.27. Brunei: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sukki Othman dan Md. Alif Redzuan Abdullah. (2012). Aspek Budaya dalam Bahasa Arab dan Bahasa Jepun: Satu Kajian Banding. *Jurnal Bahasa*. Bil. 27, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka: hlm. 35-43.
- Mohd Sukki Othman, Mohd Alif Redzuan Abdullah, Zawawi Ismail, dan Sanimah Hussin. (2005). Budaya dalam Pendidikan Bahasa Arab dan Bahasa Jepun. Dlm. Zawawi Ismail dan Mohd Sukki Othman [ed]. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*, (hlm. 83-94). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.
- Mohd Zaki bin Abd Rahman. (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua, UPM, Serdang, 2009 (hlm. 174-184). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Khailani Abdul Jalil dan Nurul Nazihah Sia Abdullah (2005). Pengaruh Bahasa Cina Terhadap Penguasaan Kosa Kata Dalam Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan*. Bil. 1 (4). Kuala Lumpur: Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan: hlm. 19-34
- Muhammad ‘Aid. (1979). *Al-Malakaṭ al-Lisāniyyaṭ ‘Inda Ibnu Khaldūn*. Kaherah: ‘Alik al-Kutub.

- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2005). Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Hari Ini dan Masa Depan. Dlm. Zawawi Ismail dan Mohd Sukki Othman [ed]. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi* (hlm. 83-94). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2010). *Faktor Agama dalam Asimilasi Budaya Arab ke dalam Budaya Melayu*. Proceeding International Conference on Minority and Majority: Language, Culture and Identity. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Munsi Abdullah. (1974). *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mustafa Fahmi. (t.th). *Saikuljiyyaṭ al-Ta'alum*. Mesir: Dar al-Misr.
- Nababan, P.W.J. (1987). Ilmu Pragmatik: Teori dan Penerapannya. Jakarta: Depdikbud.
- Naimah Abdullah (2010). Analisis Perbandingan Bahasa Sebagai Strategi Pengajaran Berkesan. Dlm. Che Radiah Mezah [ed]. *Pengajaran Bahasa Arab Siri 1*, (hlm. 1-11). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi *et al.* (1999). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab (Modul PJJ)*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan UKM.
- Nik Safiah Karim *et al.* (1993). *Tatabahasa Dewan. Jilid Pertama*. Cetakan Kelapan (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noor Rohana Mansor (2009). *Penyelidikan Analisis Kandungan dalam Bahan Kurikulum Bahasa*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Norazlinda Misran. (2004). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa* 6 (7):49. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhazlina Husin. (2007). *Pengaruh Kata Pinjaman dalam Terjemahan Brosur Bank di Malaysia: Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu*. Dlm. Abdullah Hassan [ed]. Himpunan Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Kesebelas pada 21-23 November 2007, Kuala Lumpur (hlm. 598-605). Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, dan Zuraidah A. Majid. (2011). *Budaya dan Pembelajaran*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Normalis Amzah, Natsue Hieda dan Mimiko Nezu. (2012). Penyerapan Unsur Budaya Dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *GEMA Online™ Journal of*

Language Studies. Vol. 12 (2). Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm. 407-425.

Nurhidayati. (2004). Jenis dan Sebab Kesulitan yang Dihadapi oleh Mahasiswa dalam Menyemak Teks Bahasa Arab. *Jurnal Bahasa dan Seni* (32/1): hlm. 70-91.

Nurul Huda Lūshan. (2006). *‘Ilmu Al-Dilālah: Dirāsah wa Taḥqīq*. Iskandariah: Al-Maktab Al-Jām‘ī Al-Hadīth.

Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Cetakan Pertama. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah. (2010). Penekanan Aspek semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Semasa Pengajaran Bahasa Arab. Dlm. Che Radiah Mezah [ed]. *Pengajaran Bahasa Arab Siri 1*, (hlm. 33-41). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah. (2011). Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu dan Implikasinya Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Linguistik*. Bil. 13: hlm. 1-16.

Pabiyah Hajimaming dan Kamariah Kamaruddin. (2010). Pengaruh Bahasa Arab dalam Pembudayaan Melayu dalam Novel Zaid Akhtar. Dlm. Lim Choon Bee, Mohd Azidan dan Lim Sep Neo [ed]. *Pengajaran Bahasa Asing di Malaysia*, (hlm. 75-95). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pabiyah Hajimaming. (2011). Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kosa Kata Pinjaman. Dlm. Hazlina Abdul Halim et al. [ed], *Lingua 3*, (hlm. 214-224). Serdang: Penerbit UPM.

Perpustakaan Negara. (2012). *Makanan Tradisional Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Laman web Perpustakaan Negara Malaysia: <http://malaysiana.pnm.my>

Raja Mukhtaruddin Bin Raja Mohd Dain (1982). *Pembinaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Zain. (1989). *Bahasa dalam Konteks Pemakaian Kebudayaan dan Sosial*. Dalam Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Cetakan ketiga. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Richard B. Noss. (1984). *An Overview of Language Issues in South-East Asia 1950-1980*. Singapore: Oxford University Press.

Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Cetakan pertama. Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Rosni Samah. (2012a). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (PKEBAR'12). Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi:UKM
- Rosni Samah. (2012b). Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Di Peringkat Menengah Rendah: Kajian Kepada Guru Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). *Malaysian Education Dean's Council (MEDC) Journal, Vol.7*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rueda, R., & Chen, C.B. (2005). *Assessing motivational factor in foreign language learning: Cultural variation in key constructs*. *Educational Assessment, 10* (3): hlm. 209-229.
- Rumnasari K. Siregar. (2009). Genre Fiksi dalam Linguistik Fungsional Sistemis:Perbandingan Teks "Lau Kawar" dan "Putri Tikus". *Jurnal Ilmiah Bahasa Dan Sastra*. Volume V, No. 1, Universitas Sumatera Utara: hlm. 19-27).
- Sabitha, Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sa'id al-Afghani. (1978). *Min Tārīkh al-Naḥw*. Bairut: Dār al-Fikr li al-Ṭiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Said Ibrahim. 1998. *Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali.(2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samat Buang. (1995). *Teknik Sumbang Saran dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia*. *Pelita Bahasa*. Bil. 7(3): hlm. 23-25.
- Samih Abū Maghlī dan Muṣṭafa Muhammad Al-Fār. (1990). *Al-Uṣul fi al-Lughah al-'Arabiyyah wa Ādābihā*. Amman: Markaẓ Ghanīm li al-Taṣmīm wa al-Ṭiba'ah.
- Samsu Yaacob dan Marzukhi Nyak Abdullah. (1988). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Ditinjau Daripada Aspek Pengaruh Persekitarannya. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 32, Bil. , Januari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schiffrin, D. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford UK & Cambridge USA: Blackwell.

- Shāhir Al-Ḥassan. (2001). *‘Ilmu al-Dilālah al-Simāntīkiyyah wa al-Barājimātiyyah fī al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Amman: Dār al-Fikr li al-Ṭiba’ah wa al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Shamsudin Mohamad dan Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Penyelidikan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Sinar, T. S. (2002). *Phasal and Experiential Realisations in Lecture Discourse: A Systemic Functional Analysis*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sinar, T. S. (2008). *Teori dan Analisis Wacana: Pendekatan Sistemik - Fungsional*. Cetakan Kedua. Medan: Pustaka Bangsa Press.
- Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). *Perbandingan Pencapaian dan Sikap Pelajar dengan Tahap Pengetahuan Sedia Ada dalam Kajian Rekaan Seni Visual*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Rosnah Ahmad. (2001). *Bahasa Melayu An Introduction To Malay Language And Culture*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Siti Rosnah Ahmad. (2002). *Learning Bahasa Malaysia Through Its History and Culture*. Petaling Jaya, Selangor: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Stubbs, M. (1989). *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Subhiy Al-Soleh. (1987). *Dirāsah fī Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dār al-‘Ilmi li al-Malāyīn.
- Suhaila Zailani, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, dan Hakim Zainal (2012). Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12)*. Laman web <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>.
- Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tammām Ḥassān. (1985). *Al-Lughah al-‘Arabiyyah Ma’nāhā wa Mabnāhā* Casablanca: Dar al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī’.
- Tannen, D. (1989). *Talking Voices: Repetition, Dialogue and Imagery in conversational Discourse*. Cambridge: Cambridge University Press
- Tarigan, H.G. (1993). *Pengajaran Wacana*. Cetakan ke (angka terakhir). Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Tresnadewi, S. (1994). *Developing Listening Skill in The EFL Claassroom*. Dalam: Guidelines. Volume: 16. No. 1.

- Ṭu‘aimah, Rushdī Ahmad (1989). *Ta’līm al-‘Arabīyyah li Ghair al-Nāṭiqīna Bihā: Manāhijuhu wa Asālībuhu*. Rabat: Al-Munazamah al-Islāmiyyah li al-Tarbīyyah wa al-‘ulūm wa al-Thaqāfah (ISISCO).
- Tuckman. B.W. (1978). *Cunducting Educational Research*. Cetakan kelima. Orlando: Earl McPeek.
- Tyler, Ralph. W. (1997). *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*. Terjemahan Haji Kamarudin Hussin dan Hazil Abdul Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Underwood, M. (1989). *Teaching Listening*. London: Longman.
- Van Dijk, Tuen A. dan Kintsch, Walter. (1983). *Strategies of Discourse Comprehension*. New York: Academic Press.
- Wan Muhammad Wan Sulong dan Ab. Halim Mohamad. (2005). Cerita Melayu Tradisi dalam Pendidikan Bahasa Arab. Dlm. Zawawi Ismail dan Mohd Sukki Othman [ed]. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*, (hlm. 67-82). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.
- Wan Salsa Billa Wan Norudin. (2008). *Kata Pinjaman Bahasa Arab di Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong Khek Seng. (1995). *Kesinambungan Topik dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. Beverly Hills, Calif: Sage Publications.
- Zaharani Ahmad, Maizura Osman, dan Nor Hashimah Jalaluddin (2011). Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, Bil. (1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: hlm. 109-130
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Edisi Ejaan Rumi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zakaria Stapa. (2001). *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zawawi Ismail dan Muhammad Azhar Zailani. (2005). Pendidikan Komunikatif Di Dalam Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia. Dlm. Zawawi Ismail dan Mohd Sukki Othman [ed]. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*, (hlm. 16-35). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Zhang, Y. dan Wildemuth, B.M. (2009). *Qualitative Analysis of Content. Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science.* (hlm. 308-319). Westport: Libraries Unlimited.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab. Ghani (2003). *Kenegaraan Malaysia: Isu-isu Dalam Pembinaan Negara.* Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

